# STRUKTUR PEMILIKAN TANAH
# DAN KEMISKINAN MASYARAKAT TANI DI KELANTAN.

LATIHAN ILMIAH
BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT-SYARAT UNTUK
IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA
DALAM ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

oleh
No. Matrik 19567

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
OKTOBER 1974

University of Malaya

# PENGHARGAAN.

Saya merasa terhutang budi kepada sdr. S. Husin Ali yang menjadi penyelia latihan ilmiah ini. Kepada beliau diucapkan ribuan terima kasih. Terima kasih juga diucapkan kepada sdr. Kadir Mahmud dan Nik Badlishah yang sudi membenarkan saya tinggal di rumah mereka semasa saya melalukan kajian-kajian kes di Kelantan. Budi baik mereka tetap dikenang. Saya juga merasa terhutang budi kepada kawan-kawan yang bersama-sama melakukan kajian di Kelantan. Kepada semua yang berbudi saya ucapkan terima kasih.

Jabatan Antropologi dan Sosiologi,
Universiti Malaya,
Kuala Lumpur,
Oktober, 1974.


University of Malaya

# K A N D U N G A N

| | | Halaman |
|---|---|---|
| Penghargaan | | ii |
| Senarai Daftar | | v |
| BAB I | PENDAHULUAN | |
| | - Skop dan Tujuan Kajian | 1 |
| | - Pendekatan Kajian-kajian Yang Lalu | 5 |
| | - Pendekatan Kajian Ini | 9 |
| | - Perbandingan Dari Segi Pendekatan dan Penekanan Kajian | 10 |
| | - Hipotisis Kajian | 12 |
| | - Metode dan Masaalah Kajian | 13 |
| BAB II | KONSEP TANI DAN MASYARAKAT TANI DI KELANTAN | |
| | - Konsep Tani | 15 |
| | - Masyarakat Tani di Kelantan | 20 |
| BAB III | LATAR BELAKANG SEJARAH NEGERI KELANTAN DAN PERUBAHAN SISTEM PEMILIKAN TANAH | |
| | - Latar Belakang Sejarah Negeri Kelantan | 25 |
| | - Perubahan Sistem Pemilikan Tanah | 31 |
| BAB IV | STRUKTUR PEMILIKAN TANAH BENDANG DI KELANTAN PADA MASA KINI DAN BEBERAPA KAJIAN KES | |
| | - Struktur Pemilikan Tanah Bendang Secara Am | 42 |
| | - Kajian-kajian Kes | 49 |
| BAB V | STRUKTUR PEMILIKAN TANAH BENDANG DAN IMPLIKASI SOSIAL | |
| | - Struktur Pemilikan Tanah Bendang dan Susunlapis Masyarakat | 60 |
| | - Hubungan Patron-Client | 69 |

University of Malaya

BAB VI MASAALAH PETANI-PETANI

- Pengumpulan dan Penumpuan Tanah 73
- Masaalah Ketidakcukupan 77
- Masaalah Sikap 79
- Kemiskinan dan Kemunduran 81

BAB VII PENUTUP DAN KESIMPULAN. 83

LAMPIRAN A 86
BIBLIOGRAFI 87
LATIHAN-LATIHAN ILMIAH 96


University of Malaya

# SENARAI JADUAL.

JADUAL | Hal.


| JADUAL | | Hal. |
|---|---|---|
| 2.1 | Jenis Tanaman, Keluasan, dan Peratus Keluasan Bagi Negeri Kelantan, 1970. | 20 |
| 2.2 | Barang-barang yang Dimiliki Oleh Empat Puluh Keluarga Petani di Pengkalan Kubor. | 23 |
| 3.1 | Kerabat Diraja Kelantan yang Menguasai Tanah di Kelantan. | 33 |
| 3.2 | Ladang-ladang Kepunyaan Inggeris di Kelantan, 1910. | 35 |
| 3.3 | Ladang-ladang Getah Kepunyaan The Duff Development Co., Ltd., 1909. | 36 |
| 3.4 | Nama-nama Ladang Getah, Negeri Asal, Pemilik dan Keluasannya, 1969. | 37 |
| 3.5 | Pemilik-pemilik Ladang Getah dan Keluasannya. | 39 |
| 3.6 | Struktur Keluasan Ladang Getah. | 40 |
| 4.1 | Kedudukan Pemilik Tanah Bendang di Kalangan Petani-petani di Kelantan. | 43 |
| 4.2 | Saiz Tanah yang Dimiliki oleh Petani-petani di Kelantan, 1968. | 44 |
| 4.3 | Kedudukan Pemilikan Tanah Bendang di Kalangan 40 Keluarga Petani di Kg. Simpang Hilir. | 49 |
| 4.4 | Struktur Pemilikan Tanah Bendang Bagi 40 Keluarga di Kelaboran. | 53 |
| 4.5 | Keluasan Tanah yang Dimiliki Menurut Jenis Pekerjaan Pekerjaan di Kelaboran. | 54 |
| 4.6 | Kedudukan Pemilikan Tanah di Mukim Gunung. | 55 |
| 4.7 | Struktur Pemilikan Tanah di Mukim Demit. | 56 |
| 4.8 | Struktur Pemilikan Tanah Bendang di Kubang Kerian. | 57 |
| 4.9 | Struktur Pemilikan Tanah Bendang di Mukim Wakaf Stan. | 58 |
| 6.1 | Perbandingan Struktur Pemilikan Tanah Ladang dan Bendang. | 73. |


University of Malaya

# Bab I.

# PENDAHULUAN.

## Skop dan Tujuan Kajian.

Kajian ini bertujuan untuk menerangkan masaalah kemiskinan dan kemunduran yang dihadapi oleh masyarakat tani di Kelantan dalam hubungannya dengan struktur pemilikan tanah. Skop kajian ini hanya terbatas kapada petani-petani yang menanam padi sahaja kerana selain dari kenyataan bahawa menanam padi adalah pekerjaan utama penduduk-penduduk di Kelantan, petani-petani ini juga merupakan golongan teramai yang hidup di dalam keadaan yang miskin dan mundur.

Struktur pemilikan tanah sangat perlu dikaji berdasarkan hakikat bahawa tanah adalah sumber pengeluaran yang terpenting bagi masyarakat tani. Selain daripada itu, tanah juga merupakan harta yang menjadi sumber kekayaan dan kekuasaan bagi masyarakat itu. Dengan itu, kemajuan atau pun kemunduran masyarakat tani sebahagian besarnya adalah berpunca dari struktur pemilikan tanah yang ujud. Oleh itu, kajian ini ingin melihat sejauh mana masaalah kemiskinan dan kemunduran masyarakat tani di Kelantan mempunyai hubungan yang rapat dengan struktur pemilikan tanah di negeri itu. Ketidaksamaan di dalam struktur pemilikan tanah di kalangan masyarakat tani mempunyai implikasi dari segi sosial, iaitu, menentukan corak susunlapis di dalam masyarakat tani itu sendiri.

Oleh kerana masaalah kemiskinan dan kemunduran masyarakat tani itu dikaitkan dengan struktur pemilikan tanah maka kajian ini juga akan cuba menerangkan bagaimana berlakunya peroses pengumpulan dan penumpuan tanah sehingga mengujudkan struktur pemilikan tanah yang tidak serata dan menimbulkan masaalah ketidakcukupan pemilikan tanah sebagai sumber pengeluaran yang terpenting.

Kajian ini dari suatu segi merupakan suatu kajian yang _microcosmic_ di mana penumpuan hanya diberikan kapada masaalah kemiskinan dan kemunduran yang dihadapi oleh masyarakat tani di Kelantan sahaja, iaitu sembilan belas peratus dari jumlah keseluruhan masyarakat tani yang ada di Malaysia Barat.[1] Oleh itu kajian ini akan dapat didunakan untuk memahami masaalah kemiskinan dan kemunduran di peringkat _macro_ kerana masaalah yang serupa juga dihadapi oleh sebahagian besar masyarakat tani di negara ini.

Dari segi yang lain, kajian ini merupakan suatu kajian yang _macro_ kerana ia dilakukan sebagai rumusan dari beberapa kajian yang dilakukan di peringkat lokal atau kajian-kajian kes.[2] Oleh itu, jika kajian-kajian kes itu merupakan kajian-kajian yang _microcosmic_ maka rumusan dari kajian-kajian itu dapat dianggap sebagai kajian yang _macro_.

Struktur pemilikan tanah yang tidak serata yang akan dibincangkan akan dilihat didalam konteks sejarah perkembangan ekonomi ekspot yang diperkenalkan oleh penjajah Inggeris yang berorientasikan kegiatan perladangan yang memulakan peroses pengumpulan dan penumpuan tanah pada kumpulan orang-orang yang tertentu, dan juga terhadap peroses yang sama yang berlaku di dalam sektor pertanian yang lain terutamanya pertanian padi. Oleh itu, peroses pengumpulan dan penumpuan tanah akan dilihat dari dua sudut, pertamanya dari segi perkembangan kegiatan perladangan di peringkat dalam negeri (domestic), dan keduanya dari segi tempatan atau di sektor luarbandar.

---

1 lihat hal. 87

2 lihat bibliografi berhubung dengan latihan-latihan ilmiah yang dirujuk.

University of Malaya

Walau pun masaalah kemiskinan dan kemunduran masyarakat tani di negara ini telah lama diperkata dan dikaji, terutamanya dalam tahun-tahun selepas negara ini merdeka, namun ia masih perlu dikaji dengan menggunakan pendekatan-pendekatan yang lebih sesuai dan berjejak di bumi nyata. Kajian-kajian yang telah lepas, terutamanya yang dilakukan oleh pengkaji-pengkaji asing (dari Barat) seperti Swift,[3] Parkinson,[4] P.J. Wilson,[5] dan Tjoa Soei Hock,[6] dirasakan telah memberikan kesimpulan yang kurang adil dengan menekankan bahawa kemiskinan dan kemunduran masyarakat tani adalah disebabkan oleh 'kesalahan' anggota-anggota masyarakat itu sendiri tanpa mengambil-kira struktur sosio-ekonomi yang ujud. 'Kesalahan' ini pula dikaitkan dengan ciri-ciri peribadi dan kebudayaan masyarakat Melayu kerana secara kebetulan masyarakat tani di negara ini adalah sebahagian besarnya terdiri dari masyarakat Melayu. Kesimpulan-kesimpulan yang tidak adil ini telah juga diperpanjangkan oleh beberapa orang pengkaji-pengkaji tempatan termasuk kajian-kajian yang dianjurkan oleh kerajaan sendiri.[7] Oleh itu, kajian ini juga ingin mempersoalkan kembali sejauh mana kebenaran kesimpulan-kesimpulan yang telah dibuat oleh pengkaji-pengkaji di atas.

---

3 M.G. Swift, Malay Peasant Society in Jelebu, London, Athlone Press, 1965.

4 B.K. Parkinson, "Non-Economic Factors in the Economic Retardation of the Rural Malays," Modern Asian Studies, Vol. 1, Bah. I, 1967.

5 P.J. Wilson, A Malay Village and Malaysia: Social Values and Rural Development, New Haven, Hraf Press, 1967.

6 Tjoa Soei Hock, Institutional Background to Modern Economic & Social Development in Malaya, (With Special Reference to the East-Coast), Kuala Lumpur, Liu & Liu Agency, 1963.

7 Lihat Senu Abdul Rahman, (ed.) Revolusi Mental, Kuala Lumpur, Terbitan Utusan Melayu, 1971, dan Malaysia, International Seminar on Development - V, (Lapuran Awal), Pusat Pengajian Pembangunan Malaysia, Kuala Lumpur, 1970.

Di dalam percubaan menjawab persoalan ini, rujukan dan pemerhatian sentiasa dilakukan kepada masaalah yang sama yang dihadapi oleh masyarakat-masyarakat tani di negara-negara dunia ketiga[8] yang termasuk di dalamnya negara-negara di Amerika Latin, Afrika, dan Asia. Ini ialah kerana dari beberapa aspek, negara ini sebagai salah sebuah dari negara-negara dunia ketiga mempersamaan dengan negara-negara tersebut.

Persoalan kemiskinan dan kemunduran yang dihadapi oleh masyarakat tani di negara ini sangat perlu dipecahkan terutamanya dalam jangka masa di mana rancangan pembangunan lima tahun yang keempat hampir berlalu.[9]

---

8 Tentang pengertian istilah 'dunia ketiga', lihat Irving L. Horowitz, Three Worlds of Development, New York, Oxford University Press, 1966, dan Peter Worsley, The Third World, Weidenfeld & Nicolson.

9 Negara ini telah melalui tiga rancangan pembangunan lima tahun iaitu, Rancangan Malaya Pertama 1955-1960; Rancangan Malaya Kedua 1961-1965; Rancangan Malaysia Pertama 1966-1970; dan kini sedang melalui Rancangan Malaysia Kedua 1971-1975.

Pendekatan Kajian-Kajian Yang Lalu.

Seperti yang telah dinyatakan di atas, kajian-kajian tentang masaalah kemiskinan dan kemunduran masyarakat tani luarbandar telah begitu pesat dilakukan selepas negara ini merdeka[10] dan sebahagian besar dari kajian-kajian itu telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji asing (dari Barat).[11] Kajian-kajian itu telah berakhir dengan kesimpulan-kesimpulan bahawa kemiskinan dan kemunduran masyarakat tani luarbandar di negara ini adalah disebabkan oleh faktor-faktor sosio-budaya masyarakat Melayu. Kajian-kajian dan kesimpulan-kesimpulan yang dimaksudkan itu akan dibincangkan secara ringkas dibawah.

M.G. Swift[12] yang telah mengkaji kehidupan masyarakat tani di Jelebu, Negeri Sembilan, menyimpulkan bahawa kemiskinan dan kemunduran masyarakat itu adalah disebabkan faktor-faktor sosio budaya masyarakat Melayu. Menurut beliau, "...that Malay is very prone, after receiving a setback, to give up striving, and say that he has no luck, that it is the Will of God. In economic affairs, this is most clearly seen in the concept of rezeki, a person's divinely inspired economic lot."[13] Jelas bahawa kesimpulan yang diberikan oleh Swift bahawa kemiskinan dan kemunduran masyarakat tani Melayu adalah disebabkan oleh ciri-ciri sosio-budaya termasuk sistem kepercayaan masyarakat Melayu sendiri.

---

[10] Malaya (Malaysia Barat) telah merdeka dari penjajahan Inggeris pada 31hb. Ogos, 1957.

[11] Walau bagaimana pun, Ungku A. Aziz, seorang pengkaji tempatan telah mula mengkaji masaalah yang sama. Lihat kajian-kajian beliau; "The Causes of Poverty in Malayan Agriculture", Problems of Malayan Economy, Lim Tay Boh (ed.), Singapura, 1956; Rencana-Rencana Ekonomi dan Kemiskinan, Singapura, 1959; dan "Poverty and Rural Development in Malaysia", Kajian Ekonomi Malaysia, Kuala Lumpur, 1964.

[12] M.G. Swift, op. cit.

[13] Ibid. hal.170.

Seorang pengkaji lain, iaitu, B.K. Parkinson[14] berpendapat bahawa masaalah kemiskinan dan kemunduran masyarakat tani Melayu mempunyai hubungan yang rapat dengan sistem kepercayaan dan nilai masyarakat Melayu sendiri yang dianggap oleh beliau sebagai penghalang bagi mereka untuk maju kehadapan. Pandangan yang sama telah dinyatakan oleh seorang pengkaji tempatan iaitu, S. Hussein Alatas[15] yang menyatakan bahawa masyarakat tani Melayu mempunyai kepercayaan bahawa dunia ini dikuasai oleh kuasa-kuasa ghaib yang menyebabkan rumit bagi mereka untuk percaya kapada kebolihan diri sendiri yang menyebabkan mereka miskin dan mundur.

Tjoe Soei Hock[16] dalam kajiannya telah memberikan kesimpulan bahawa kemiskinan dan kemunduran masyarakat tani Melayu di Pantai Timur Malaysia Barat adalah disebabkan oleh sistem nilai dan kepercayaan serta pemahaman mereka kapada ajaran Islam.[17] Seterusnya beliau telah mengkeritik institusi-institusi kenduri, gotong-royong; konsep-konsep haram dan riba; serta amalan menabung (saving) di dalam kehidupan masyarakat tani Melayu. Kesemua faktor-faktor ini, menurut beliau, adalah menjadi penghalang bagi masyarakat itu untuk menerima konsep pembangunan a la Barat. Oleh itu, masyarakat tani Melayu itu perlulah menukarkan nilai 'kampung' mereka kepada nilai 'Barat' jika mereka ingin terlepas dari cengkaman kemiskinan dan kemunduran.

---

14 B.K. Parkinson, Op. cit.

15 S. Hussein Alatas, "Collective Representations and Economic Development", Kajian Ekonomi Malaysia, Vol. II, No. 1, 1965.

16 Tjoe Soei Hock, op. cit.

17 Kajian berhubung dengan kepercayaan agama dan hubungannya dengan masaalah ekonomi masyarakat Melayu telah dilakukan oleh Muhammad Fauzi Haji Yaacob, Agama dan Usaha Dalam Lapangan Ekonomi Dikalangan Orang-Orang Melayu, Tisis M.A., Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1969.

Dengan pendekatan yang sama, P.J. Wilson, dalam kajiannya menyatakan bahawa kemiskinan dan kemunduran masyarakat tani luarbandar adalah disebabkan oleh kegagalan mereka memahami dan mengikuti konsep bureaucracy dan contract yang diamalkan di Barat.[18] Oleh itu perlulah diubah cara hidup masyarakat tani luarbandar itu kapada cara baru yang dibawa dari Barat.

Pendekatan yang menekankan faktor-faktor sosio-budaya terus diperpanjangkan oleh pengkaji-pengkaji tempatan seperti Senu Abdul Rahman,[19] Mahathir,[20] dan beberapa kertaskerja di dalam seminar-seminar pembangunan yang dianjurkan oleh kerajaan.[21] Buku Revolusi Mental yang membincangkan dengan panjang lebar tentang 'peribadi Melayu' telah memberikan tujuh belas jenis sikap masyarakat Melayu yang buruk yang menjadi penghalang pembangunan masyarakat itu. Antara sikap-sikap itu ialah kurang inisiatif, kurang ingin tahu, kurang fikiran rasional, kurang imajinasi, kurang percayakan diri sendiri, kurang disiplin, dan sebagainya.[22] Mahathir disamping menyatakan adanya sifat-sifat semula jadi masyarakat Melayu yang buruk dan penghalang kemajuan, telah juga membandingkannya dengan sifat-sifat masyarakat Cina yang dianggapnya sebagai menggalakkan kemajuan.[23] Walau bagaimana pun, beliau tidak pula menyebutkan apakah sifat-sifat semula jadi masyarakat Melayu itu mundur.

---

18 P.J. Wilson, op. cit.

19 Senu Abdul Rahman, op. cit.

20 Mahathir Muhammad, The Malay Dilemma, Donald Moore for Asian Pacific Press, Singapore, 1970.

21 Misalnya, lihat notakaki 7 di bawah.

22 Senu Abdul Rahman, op. cit., hal. 75-76.

23 Lihat bab III, "The Influence of Heredity and Environment on the Malay Race", hal. 16-31. Buku ini serta buku Revolusi Mental telah dikeritik oleh S. Hussein Alatas dalam bukunya Siapa Yang Salah, (Sekitar Revolusi Mental dan Peribadi Melayu), Pustaka Nasional, Singapura, 1972.

Seminar Pembangunan yang dianjurkan oleh kerajaan telah memberikan kesimpulan bahawa masaalah pokok yang mengujudkan keadaan kemiskinan dan kemunduran masyarakat tani luarbandar ialah masaalah sikap. Masyarakat tani luarbandar itu dikatakan mempunyai sifat 'tidak apa' atau apathy yang disertai oleh sifat 'takut' dan 'jahil' untuk menerima perubahan.[24]

Apa yang dapat dinyatakan setakat ini ialah bahawa kajian-kajian yang telah diperkatakan diatas yang memberikan kesimpulan bahawa kemiskinan dan kemunduran masyarakat tani luarbandar dinegara ini adalah semata-mata disebabkan oleh faktor-faktor sosio-budaya adalah dilakukan dengan sewenang-wenangnya tanpa mengambilkira struktur sosio-ekonomi yang ujud dan sejarah yang dilalui oleh masyarakat itu. Oleh itu, kajian ini akan bertolak dari pendekatan dan penekanan yang berlainan dari yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji yang telah disebutkan diatas.

---

24 Malaysia, International Seminar...op. cit, hal.2.

University of Malaya

Pendekatan Kajian Ini.

Kajian ini menggunakan pendekatan historikal, struktural, dan holistik kerana pendekatan yang menekankan ketiga-tiga aspek ini dirasakan dapat menghurai dan menerangkan faktor-faktor pokok yang menyebabkan keadaan kemiskinan dan kemunduran sesuatu masyarakat itu.[25] Fakta-fakta sejarah penting dilihat untuk mengetahui sejarah yang dilalui oleh masyarakat yang miskin dan mundur itu. Ini ialah kerana sejarah masa lampau, tidak dapat dinafikan mempunyai hubungan yang rapat dengan keadaan yang ujud pada masa kini. Selain dari itu, struktur sosio-ekonomi yang ujud dan merangkum kehidupan masyarakat tani itu perlu pula diperhitungkan kerana kemiskinan dan kemunduran sesuatu masyarakat itu disebabkan oleh faktor-faktor yang tersembunyi didalam struktur yang ujud. Begitu juga perlu ditekankan aspek holisma atau keseluruhan kerana masyarakat tani luarbandar itu bukanlah merupakan suatu masyarakat yang terasing atau terpisah dari dunia yang lebih luas, malah masyarakat itu adalah dirangkum oleh sistem ekonomi, sosial dan politik yang sama, samaada di peringkat tempatan, dalam negeri (domestic), atau pun antarabangsa.

Kemiskinan dan kemunduran adalah dua konsep struktural,[26] oleh itu ia perlulah dilihat sebagai suatu kesan atau akibat dari suatu perubahan sosio-ekonomi dan politik yang dilalui oleh sesuatu masyarakat, lebih-lebih lagi jika masyarakat itu pernah dijajah oleh kuasa asing. Telah pernah diperkatakan bahawa kemunduran bukanlah suatu keadaan yang semulajadi, tetapi ia adalah ujud didalam suatu peroses perkembangan atau pembangunan sosio-ekonomi yang tidak seimbang.[27]

---

[25] Pendekatan ini telah digesa untuk digunakan bagi menggantikan pendekatan struktural-fungsional yang dianggap telah lapuk, lihat kertaskerja didalam Konferansi Peranan dan Orientasi Sains Sosial dan Ahli-Ahli Sains Sosial di Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur, Ogos, 1974.

[26] Lihat hal. 81.

[27] Lihat hal. 85.

Berdasarkan pendekatan ini maka kajian tentang kemiskinan dan kemunduran masyarakat tani di Kelantan dilakukan dengan menekankan sejarah yang dilalui oleh masyarakat itu dan juga struktur sosio-ekonomi yang ujud yang merangkum kehidupan masyarakat itu. Struktur sosio-ekonomi ini akan dihuraikan berdasarkan struktur pemilikan tanah yang ujud diperingkat lokal dan dalam negeri.

<u>Perbandingan Dari Segi Pendekatan dan Penekanan Kajian</u>.

Pendekatan dan penekanan kajian yang menumpukan faktor-faktor sosio-budaya di dalam menghurai dan menerangkan sebab-sebab kemiskinan dan kemunduran masyarakat tani luarbandar adalah pendekatan yang memisahkan antara faktor-faktor intrinsik dengan struktur sosio-ekonomi yang ujud. Pendekatan dan penekanan begini adalah diragu-ragukan kebenarannya kerana tidak dapat dinafikan bahawa faktor-faktor sosio-budaya atau intrinsik adalah mempunyai hubungan yang rapat dengan struktur sosio-ekonomi yang ujud, malah struktur struktur sosio-ekonomi dapat dianggap sebagai faktor yang mempengaruhi faktor-faktor sosio-budaya.

Pendekatan dan penekanan ini adalah berasaskan kepada pandangan <u>dualisma</u> di mana sesuatu masyarakat itu dianggap sebagai mempunyai ciri-ciri sosio-budaya yang 'lemah' berbanding dengan masyarakat lain yang mempunyai ciri-ciri sosio-budaya yang 'kuat'. Pandangan yang berasaskan konsep <u>dualisma</u> ini telah digunakan untuk membezakan ciri-ciri sosio-budaya masyarakat luarbandar berbanding dengan masyarakat bandar, atau pun perbezaan ciri-ciri sosio-budaya antara ras-ras tertentu. Pandangan begini telah ditolak oleh ramai pengkaji-pengkaji.[28]

---

[28] Misalnya, lihat kritik-kritik yang dibuat oleh James D. Cockroft, A.G. Frank, dan Dale J. Johnson, <u>Dependence and Underdevelopment</u>, Anchor Books, (Introduction), hal.xi-xii; juga lihat kritik A.G. Frank keatas pendekatan 'Ideal Typical Index', dlm. "Sociology of Development and Underdevelopment of Sociology", <u>Ibid</u>, hal.325-356.

University of Malaya

Ini ialah keranamasyarakat yang dikatakan masyarakat luarbandar, mundur dan tertinggal kebelakang itu sesungguhnya tidaklah terasing atau terpisah dari dunia luar sejak zaman perkembangan merkentalisma dan kapitalisma Barat.

Pendekatan yang menekankan faktor-faktor intrinsik atau disebut juga pendekatan Neo-Weberian adalah lanjutan dari idea Max Weber yang menekankan konsep ideal-type.[29] Konsep ideal-type ini telah digunakan oleh pengkaji-pengkaji lain didalam percubaan membezakan ciri-ciri sosio-budaya antara masyarakat yang maju dengan masyarakat yang mundur, atau dengan kata lain antara masyarakat Barat (maju) dengan masyarakat Timur (mundur). Pandangan ini telah dikritik oleh A.G. Frank berdasarkan ketidakbenaran dari segi empirical, sempit dari segi teoretikal, dan tidak efektif untuk sesuatu polisi pembangunan.[30]

Oleh itu, dengan meneruskan pendekatan dan penekanan yang telah lapuk ini, maka kajian yang dilakukan adalah bersifat streo-type yang hanya bertujuan untuk mengekalkan struktur sosio-ekonomi yang ujud. Berdasarkan kenyataan-kenyataan di atas maka kajian ini menggunakan pendekatan yang menekankan aspek-aspek sejarah, struktur sosio-ekonomi yang ujud, dan juga keseluruhan sistem ekonomi, sosial dan politik yang merangkum kehidupan masyarakat tani luarbandar yang miskin dan mundur itu. Faktor-faktor sebenar yang menyebabkan kemiskinan dan kemunduran masyarakat ini adalah mempunyai hubungan yang rapat dengan ketiga-tiga aspek ini.

---

29 Lihat kajian Max Weber yang terpenting, The Protestant Ethic and the Spirit of Capitalism, New York, 1958. Antara pengkaji-pengkaji lain yang menggunakan pendekatan Weber ialah G.M. Foster, Traditional Culture: and the Impact of Technological Change, London, 1965; dan David M. McClelland, The Achieving Society, New York, 1967.

30 A.G. Frank, "Sociology of Development...", op. cit.

University of Malaya

Hipotisis Kajian.

Kajian ini menghubungkan masaalah kemiskinan dan kemunduran masyarakat tani di Kelantan dengan sistem dan struktur pemilikan tanah yang ujud di peringkat luarbandar atau lokal, dan juga di peringkat dalam negeri. Hipotisis kajian ini ialah bahawa kemiskinan dan kemunduran masyarakat tani di Kelantan adalah berpunca dari keujudan peroses pengumpulan dan penumpuan tanah oleh golongan-golongan tertentu yang bermula sejak kedatangan penjajahan Inggeris yang memperkenalkan sistem pemilikan tanah a la kapitalistik. Dengan itu, kemiskinan dan kemunduran adalah merupakan keadaan yang berstruktur yang dapat dilihat berdasarkan struktur pemilikan tanah di kalangan petani-petani. Struktur pemilikan tanah ini mempunyai implikasi dari segi sosial dimana berdasarkannya dapat dikesan struktur susunlapis masyarakat yang ujud dan bentok perhubungan sosial antara golongan masyarakat didalam strata yang berlainan itu.

Dengan lain perkataan, struktur pemilikan tanah di kalangan masyarakat tani menentukan struktur sosio-ekonomi masyarakat itu. Perkembangan masyarakat ini selanjutnya dari segi sosio-ekonomi adalah tertakluk kapada struktur yang ujud. Begitu juga bahawa faktor sosio-budaya adalah tertakluk kapada struktur yang ujud dan bukanlah struktur itu yang tertakluk kapada faktor sosio-budaya.

University of Malaya

Metode dan Masaalah Kajian.

Semua data-data yang dibentangkan di dalam kajian ini diperolehi dengan dua cara, (a) dengan melakukan kerja-luar atau field work, dan (b) dengan merujuk kapada hasil-hasil kajian yang telah lepas dan relevan dengan kajian ini. Kajian luar dilakukan untuk mendapat gambaran secara mikro di peringkat daerah dan mukim, di mana kes-kes tertentu telah diperhati dan dikaji. Data-data yang diperolehi di peringkat mikro ini dibandingkan pula dengan data yang telah tersedia yang memberikan gambaran di peringkat makro. Dengan ini kedua-dua gambaran secara mikro dan makro sentiasa dihubungkan.

Kajian-luar telah dilakukan oleh pengkaji sendiri di Daerah Tumpat selama tiga minggu. Pengkaji juga telah melakukan pemerhatian dan kajian secara ringkas di Daerah Bachok, Kota Bharu dan Paser Puteh. Kajian-luar di Daerah Tumpat dilakukan untuk mendapatkan gambaran penghidupan masyarakat tani seharihari selain dari untuk mengumpulkan data-data resmi dari Pejabat Daerah Tumpat berhubung dengan pemilikan tanah di daerah itu.

Di dalam kerja-kerja mengumpulkan data-data ini beberapa masaalah sentiasa dihadapi. Pertamanya masaalah bahasa, kerana pengkaji dan masyarakat yang dikaji tidak dapat berinteraksi dengan begitu lancar sebab kami mempunyai dailek bahasa Malaysia yang berlainan. Masaalah ini dapat diatasi dengan bantuan rakan-rakan yang sama-sama melakukan kajian-luar, yang menolong menjadi 'juru bahasa' . Selain dari itu pengkaji juga menghadapi masaalah bagaimana untuk menghadapi orang-orang kampung yang sentiasa ragu-ragu menjawab soalan-soalan tentang kehidupan mereka. Ini berlaku kerana menurut mereka, telah ramai pengkajipengkaji yang datang bertanyakan keadaan hidup mereka, tetapi kehidupan mereka tetap juga susah dan miskin, sedangkan harapan mereka untuk mendapatkan bantuan yang diharapkan sentiasa hampa. Masaalah ini dapat diatasi dengan menerangkan kepada mereka

akan tujuan kajian ini dilakukan dan siapakah yang sebenarnya bertanggung jawab menyebabkan mereka miskin dan siapakah yang sepatutnya membantu mereka untuk terlepas dari kemiskinan itu. Untuk mendapatkan data-data tentang pemilikan tanah dari Pejabat Daerah, pengkaji sentiasa menghadapi masaalah kerana terdapat pegawai-pegawai tertentu yang enggan memberikan kerjasama dengan alasan-alasan tertentu. Walau bagaimana pun, masaalah ini dapat diatasi dengan cara-cara tertentu yang tidak perlu dinyatakan di sini.

University of Malaya

Bab II

KONSEP TANI DAN MASYARAKAT

TANI DI KELANTAN.

Konsep Tani.

Dalam memberikan takrif masyarakat tani, ada tiga perkara yang telah ditekankan oleh pengkaji-pengkaji, iaitu; (a) masyarakat tani adalah masyarakat luarbandar, (b) sebagai masyarakat luarbandar mereka mempunyai hubungan dengan masyarakat bandar dalam suatu yunit sosial yang lebih luas, dan (c) terdapat perbezaan tertentu antara kehidupan masyarakat tani itu dengan masyarakat bandar dari segi tamaddun, kebudayaan, prestige, dan kekuasaan ekonomi serta politik.

Kroeber dalam takrifnya menyebutkan, "Peasants are definitely rural - yet live in relation to market towns; they form a class segment of a larger population which usually contains also urban centers, sometimes metropolitan capitals. They constitute part-societies with part-cultures."[1] Takrif Kroeber yang struktural dan relational ini diperpanjangkan pula oleh Redfield,[2] Foster,[3] Wolf,[4] Firth[5] dan beberapa pengkaji-pengkaji lain.

---

[1] A. Kroeber, Anthropology, Harcout, Brace & World, 1948, hal.284.

[2] R. Redfield, The Little Community, University of Chicago Press, 1955; dan Peasant Society and Culture, The University of Chicaga Press, 1956.

[3] G.M. Foster, "Peasant Society and the Image of Limited Good", American Anthropology, Vol. II, 1965, hal. 293-315.

[4] E.R. Wolf, Peasants, Prentice-Hall, 1966.

[5] Raymond Firth, Malay Fishermen: Their Peasant Economy, Routledge & Kegan Paul Ltd. London, 1966.

University of Malaya

Redfield di dalam membezakan masyarakat tani dengan masyarakat bandar telah menggunakan faktor-faktor 'tradisi' dan 'kebudayaan' sebagai pembeza di mana masyarakat tani itu dianggap sebagai masyarakat yang mempunyai 'tradisi kecil' dan 'kebudayaan tua', manakala masyarakat bandar pula mempunyai 'tradisi besar' dan 'kebudayaan moden'. Oleh itu, perhubungan antara masyarakat tani dengan masyarakat bandar adalah merupakan perhubungan antara dua masyarakat yang masing-masing mempunyai tradisi dan kebudayaan yang berbeza - yang <u>inferior</u> di satu pihak, dan <u>superior</u> di pihak yang lagi satu.

Foster menyatakan bahawa masyarakat tani itu sebagai sebahagian dari suatu yunit sosial yang lebih luas (biasanya masyarakat sebuah negara) adalah merupakan sebahagian dari masyarakat <u>pre-industrial</u> yang mempunyai struktur masyarakat berkelas-kelas. Sebagai suatu kelas, masyarakat tani itu merupakan kelas bawahan yang sentiasa tertakluk atau dikuasai oleh masyarakat kelas atasan atau kaum <u>gentry</u> yang tinggal di pusat-pusat bandar. Bandar adalah merupakan pusat perdagangan, pasaran, dan perubahan bagi yunit sosial yang lebih luas itu.

Menurut Wolf, hubungan masyarakat tani dengan masyarakat 'luar' adalah di dalam keadaan struktural di mana masyarakat tani itu sentiasa tertakluk kapada kuasa eksekutif dan kuasa ekonomi yang didatangkan oleh masyarakat kelas atasan yang tinggal di pusat-pusat bandar. Dengan lain perkataan, masyarakat tani itu tidak mempunyai sebarang otonomi untuk menentukan corak penghidupan mereka sehari-hari.

Rafmond Firth lebih mementingkan faktor ekonomi apabila beliau mentakrifkan konsep tani ini. Menurut beliau, "... [peasant is] a system of small producers, with a simple technology and equipment, often relying primarily for their subsistence on what they themselves produce".[6] Suatu kenyataan

---

[6] <u>Ibid.</u> hal.84.

yang penting ditekankan oleh Firth ialah bahawa ekonomi tani itu adalah mempunyai kaitan yang rapat dengan usaha-usaha mengerjakan tanah, "...the primary means of livehood of the peasant is cultivation of the soil. This is not a landless labourer but some one who has and individual or collective right to the land." [7]

Hubungan masyarakat dan ekonomi tani dengan tanah telah ditekankan oleh ramai pengkaji-pengkaji di mana tanah talah dianggap sebagai unsur de facto di dalam ekonomi tani. Menurut Galeski,[8] pemilikan tanah merupakan "...a necessary and generally suffient condition to enter the occupation," dan juga, "...as an entrance tickets into the peasantry." Ini menunjukkan betapa pentingnya pemilikan tanah di kalangan masyarakat tani. Redfield telah menyatakan kepentingan tanah di kalangan petani-petani dengan lebih panjang lebar lagi. Menurut beliau, "The peasantry consists of small agricultural producers who, with the help of simple equipment and the labour of their families, produce mainly for their own consumption and for the fulfilment of obligations to the holder of political and economic power".[9] Pemilikan tanah di kalangan petani-petani adalah penting bukan sahaja kerana tanah merupakan sumber pengeluaran yang terpenting, tetapi juga kerana tanah adalah merupakan sumber kekuasaan politik dan faktor yang menentukan susunlapis masyarakat itu.[10]

---

7 Ibid.

8 B. Galeski, Peasants and the Farmers, Warsaw, 1963, hal.48.

9 R. Redfield, Peasant Society and Culture, op. cit., hal.23.

10 Lihat Ernest Feder, "Latifundia and Agricultural Labour in Latin America", Peasants and Peasant Societies, Shanin (ed.), Penguin Books, hal. 83-97; dan The Rape of Peasantry, Anchor Books, 1971, hal.8.

Konsep *family farm* di dalam organisasi ekonomi tani telah dibincangkan oleh Chayanov,[11] di mana menurut beliau bahawa keujudan *family farm* adalah merupakan ciri yang penting di dalam organisasi ekonomi masyarakat tani, "...the first fundamental characteristic of the farm economy of the peasant is that it is a family economy. Its whole organization of its consumptive demands with the number of its working hands".[12] Keujudan *family farm* ini juga, menurut Chayanov, membezakan ekonomi tani itu dari organisasi ekonomi bercorak kapitalistik. Ini ialah kerana di dalam peroses pengeluaran ekonomi tani itu, suatu yunit *family farm* itu menggunakan tenaga kerja dari anggota-anggota keluarga sendiri. Oleh itu tidak timbul konsep kos seperti upah, bunga, dan juga konsep keuntungan. Apa yang ujud menurut Chayanov ialah berlakunya apa yang dipanggil sebagai *self exploitation* di dalam peroses pengeluaran ekonomi tani itu.[13]

Konsep tani juga telah dikaitkan dengan konsep kelas. Menurut Karl Marx, masyarakat tani itu adalah mempunyai *mode* pengeluaran yang tersendiri berbeza dari *mode*pengeluaran kelas lain. Oleh itu masyarakat tani itu dapat dianggap sebagai suatu kelas yang tersendiri, "...as millions of families live under economic conditions of existence that separate their mode of life, their interests and their culutre from those of the other classes, and put them in

---

11 A.V. Chayanov, *The Theory of Peasant Economy*, Terjemahan Smith, Kerblay & Irwin, 1966, hal.1.

12 *Ibid.*, hal.5.

13 Pendapat Chayanov ini berdasarkan andaian bahawa masyarakat tani itu memiliki tanah sendiri sebagai sumber pengeluaran mereka sendiri. Jika masyarakat tani tidak memiliki tanah sendiri maka *self exploitataion* itu akan bertukar menjadi eksploitasi berdasarkan kelas.

hostile opposition to the latter, they form a class...a class that represents the barbarism within civilization."[14]

Masyarakat tani sebagai suatu kelas telah juga dibincangkan oleh Wolf,[15] Shanin,[16] Peter Worsley,[17] A.G. Frank,[18] dan Wertheim.[19] Perbincangan tentang masyarakat tani sebagai suatu kelas sentiasa dikaitkan dengan potensi masyarakat itu sebagai kelas yang revolusionir.[20]

---

14 Karl Marx & Frederick Engels, Selected Works, Vol. I, Foreign Languages Publishing House, 1950, hal. 159.

15 Lihat Eric R. Wolf, "On Peasant Rebellion", International Social Science Journal, Vol. 21, 1969; juga lihat Peasant Wars of the Twentieth Century, Harper & Row, 1969.

16 Teodor Shanin, "The Peasantry as a Political Factor", Sociological Review, Vol. 14, No. 1, 1966; juga terdapat dalam Peasants and Peasant Societies, Shanin (ed.), Penguin Education, 1971, hal.238-263.

17 Lihat Peter Worsley, The Third World, Weidenfeld & Nicolson, 1967, terutamanya perbincangan tentang pendekatan 'populism' sebagai suatu ideologi yang tipikal di negara-negara atau masyarakat-masyarakat yang 'sedang membangun'.

18 Lihat A.G. Frank, "Economic Dependence, Class Structure, and Underdevelopment Policy", Dependence and Underdevelopment, James D. Cochroft, A.G. Franf & Dalr L. Johnson (eds.) Anchor Books, 1972, hal. 19-45.

20 Pembicaraan tentang potensi masyarakat tani sebagai kelas yang revolusionir diperkatakan oleh Barrington Moore, Jr., Social Origins of Dictatorship and Democracy, Beacon Press, 1966; M. Bequiri, Peasantry in Revolution, Cornell University Press, 1966; E.J. Hobsbawm, Primitive Rebels, Praeger, 1963; E. Jacoby, Agrarian Unrest in South Asia, Asia Publishing House, 1961; dan R. Stavenhagen (ed.), Agrarian Problems and Peasant Movements in Latin America, Doubleday, 1970.

Masyarakat Tani Di Kelantan.

Menurut lapuran tentang penggunaan tanah di negeri Kelantan, dalam tahun 1970, hanya lebih kurang 14 % sahaja dari keluasan negeri itu yang telah dibuka dan dijadikan kawasan pertanian.[21] Pada keseluruhannya terdapat enam jenis tanaman yang penting yang diusahakan di negeri itu, iaitu; getah, padi, tanaman campuran, kelapa, tanaman pindah, dan kelapa sawit. Keluasan tanah yang digunakan untuk tanaman-tanaman ini adalah seperti yang ditunjukkan di dalam jadual di bawah.

JADUAL 2.1

JENIS TANAMAN, KELUASAN, DAN PERATUS KELUASAN BAGI NEGERI KELANTAN, 1970.

| Tanaman | Keluasan (ekar) | % dari keluasan negeri Kelantan | % dari keluasan kaw. pertanian. |
|---|---|---|---|
| Getah | 223,716 | 6.1 | 43.5 |
| Padi | 188,390 | 5.1 | 36.5 |
| Campuran | 80,561 | 2.2 | 15.7 |
| Kelapa | 17,370 | 0.5 | 3.4 |
| Tanaman Pindah | 3,569 | 0.1 | 0.7 |
| Kelapa Sawit | 1,087 | * | 0.2 |
| Jumlah | 514,793 | 14.0 | 100.0 |

Sumber: I.F.T. Wong, Land Use Report of Kelantan 1970, Kementerian Pertanian dan Kerjasama Malaysia, Kuala Lumpur, 1970, hal.6.

---

21 Lihat I.F.T. Wong, Ibid., sumber bagi Jadual 2.1, hal.6.

Walau pun terdapat enam jenis tanaman yang diusahakan di negeri itu, namun untuk mendapatkan gambaran yang tipikal tentang kehidupan masyarakat tani maka pandangan adalah ditumpukan kepada penghidupan petani-petani padi.[22] Ini ialah kerana golongan petani ini merupakan golongan yang paling ramai di Kelantan dan dapat dianggap sebagai _representative_ bagi keseluruhan masyarakat tani di negeri itu.

Dalam tahun 1973, di Kelantan, dianggarkan terdapat seramai 56,000 keluarga petani yang melakukan kerja-kerja penanaman padi secara kecil-kecilan.[23] Kegiatan pertanian secara kecil-kecilan ini dilihat dari segi keluasan tanah yang diusahakan oleh setiap keluarga petani-petani, dan juga kaedah pertanian yang dilakukan. Sesebuah keluarga petani merupakan yunit pengeluaran yang asas di mana anggota-anggota keluarga itu mengusahakan bidang tanah yang dimiliki oleh keluarga itu sendiri atau pun yang disewa dari tuan tanah. Dengan lain perkataan, ahli-ahli dari sesebuah keluarga menyediakan tenaga kerja bagi sebidang tanah yang diusahakan oleh keluarga itu. Walau bagaimana pun, ada kalanya tenaga kerja juga diberikan oleh saudara mara yang tinggal di tempat lain yang datang membantu di dalam masa mengubah dan juga menuai, kerana di masa ini lebih banyak tenaga kerja yang diperlukan.[24] Untuk mendapatkan tenaga kerja yang cukup di masa-masa yang disebutkan di atas, petani-petani juga melakukan kerja secara bergotong-royong.

---

[22] Di dalam kajian ini, istilah 'petani' digunakan secara khusus yang dirujukkan kepada penanam-penanam padi.

[23] Anggaran ini dilakukan oleh Pejabat Pertanian dan Perikanan Kota Bharu, Kelantan.

[24] Saudara mara yang datang membantu kerja-kerja di waktu mengubah atau pun menuai akan diberikan padi atau beras menurut kadar yang tertentu sebagai penghargaan dari keluarga petani itu, tetapi tidak merupakan 'upah' kepada tenaga yang telah dicurahkan.

Sebagau yunit pengeluaran, sebuah keluarga petani itu juga merupakan yunit penggunaan bagi hasil tani yang dikeluarkan. Sebahagian besar dari hasil tani yang dikeluarkan adalah digunakan untuk makanan keluarga itu sendiri, dan selebihnya digunakan untuk keperluan-keperluan lain.[25] Ini ialah kerana padi yang dikeluarkan adalah merupakan makanan asasi bagi petani-petani itu.[26] Oleh itu, kerja-kerja pertanian lebih merupakan usaha untuk mengeluarkan bahan makanan asasi bagi petani-petani itu sekeluarga, dan bukanlah merupakan suatu usaha pertanian untuk mendapatkan wang, atau pertanian jualan. Penjualan padi hanyalah merupakan suatu yang secondary bagi petani-petani. Ini mempunyai hubungan dengan masaalah kekurangan tanah yang akan dibincangkan kemudian.[27]

Pemerhatian yang dilakukan oleh penulis sendiri di daerah Tumpat menunjukkan bahawa pada amnya keluarga-keluarga petani hidup di dalam keadaan yang miskin. Kemiskinan ini sekurang-kurangnya dapat dilihat dari dua segi, iaitu (a) cara hidup dan kelengkapan rumah-tangga, dan (b) pendapatan petani itu sekeluarga.

Dilihat dari segi cara hidup, kehidupan sebilangan besar petani-petani adalah di dalam keadaan yang paling sederhana, iaitu dengan pengertian bahawa segala yang dimiliki oleh sebuah keluarga petani hanyalah barang-barang keperluan yang membolehkan mereka meneruskan kehidupan sekeluarga. Kajian kes yang dilakukan oleh pengkaji sendiri di Pengkalan Kubor di daerah Tumpat menunjukkan senarai barang-barang yang

---

25 Lihat hal. 78.

26 Padi yang dihasilkan melalui dua peroses yang membezakan namanya iaitu, 'beras' selepas padi itu dikisar atau ditumbuk, dan 'nasi' apabila ia di masak.

27 Lihat hal. 77.

University of Malaya

dimiliki oleh empat-puluh keluarga petani adalah seperti berikut;

1. sebuah rumah,*
2. tilam dan ranjang tempat tidur,
3. tikar mengkuang atau pandan,
4. sebuah dapur kayu,
5. beberapa buah pelita,
6. beberapa buah tajak dan cangkul,
7. beberapa buah sabit padi,
8. beberapa buah terendak,
9. beberapa buah bakul tempat mengisi padi,
10. sebuah kepok padi yang terletak di luar atau di dalam rumah.

Didapati bahawa kesemua barang-barang ini dimiliki oleh petani-petani. Walau bagaimana pun terdapat beberapa jenis barang yang dimiliki oleh beberapa keluarga petani, tetapi tidak dimiliki oleh keluarga yang lain, iaitu kerusi-meja, langsir tingkap dan pintu, katil, radio, dan motorsikal. Pemilikan barang-barang ini di kalangan keluarga-keluarga petani yang dikaji adalah seperti berikut.

JADUAL 2.2

BARANG-BARANG YANG DIMILIKI OLEH EMPAT PULUH KELUARGA PETANI DI PENGKALAN KUBOR.

| Barang | Memiliki | Tiada Memiliki |
|---|---|---|
| kerusi-meja | 7 | 33 |
| langsir tingkap & pintu | 11 | 29 |
| katil, | 5 | 35 |
| radio | 3 | 37 |
| motor-sikal | 1 | 39 |

*Rumah yang dimiliki mungkin rumah yang dibena sendiri oleh

University of Malaya

Senarai di dalam jadual di atas menunjukkan bahawa sebahagian besar dari keluarga-keluarga petani yang dikaji tidak mampu memiliki barang-barang yang yang tidak begitu perlu bagi mereka. Barang-barang yang dimiliki adalah barang-barang yang perlu bagi penghidupan mereka sehari-hari dan juga yang di perlukan untuk kerja-kerja bertani.[28] Selain dari barang-barang yang telah disebutkan di atas, terdapat juga lapan buah keluarga petani yang memiliki kerbau yang dapat digunakan untuk membajak sawah.

Berdasarkan pemerhatian di beberapa daerah pertanian di Kelantan, didapati bahawa pada keseluruhannya, di dalam kerja-kerja pertanian, petani-petani tidak banyak menggunakan alat-alat moden seperti jentera pembajak, jentera pengetam, dan sebagainya. Walau bagaimana pun terdapat juga sebuah dua jentera pembajak jenis pedestrian yang dimiliki oleh persatuan-persatuan peladang dan diupah oleh petani-petani yang mampu untuk membajak tanah mereka. Dari pemerhatian pengkaji sendiri didapati juga bahawa ada petani-petani yang membaja tanah mereka dengan baja-baja dagangan. Ini merupakan suatu perkembangan yang baharu berlaku sejak tahun 60an.

Dari segi pendapatan, adalah amat payah untuk benar-benar mengetahui jumlah pendapatan bulanan yang didapati oleh setiap keluarga petani yang dikaji. Ini ialah kerana petani-petani ini tidak menerima pendapatan yang tetap yang dapat diukur dengan jumlah wang yang mereka perolehi setiap bulan. Jumlah pendapatan mereka dapat diukur melalui jumlah hasil padi yang mereka hasilkan setiap musim, dan jumlah pengeluaran ini pula ditentukan oleh beberapa perkara yang akan dibincangkan kemudian.[29]

---

keluarga itu atau pun pusaka tinggalan orang tua mereka.

28 Lihat senarai pada halaman 23 bilangan 6 hingga 10.

29 Lihat hal. 80

## BAB III

## LATAR BELAKANG SEJARAH NEGERI KELANTAN DAN PERUBAHAN SISTEM PEMILIKAN TANAH.

### Latar Belakang Sejarah Negeri Kelantan.

Bahagian ini merupakan penghuraian ringkas tentang latar belakang sejarah negeri Kelantan dengan penumpuan diberikan kepada sejarah penjajahan Inggeris di negeri itu. Ini akan dikaitkan dengan perubahan sistem pemilikan tanah yang berlaku di negeri itu sehingga mengujudkan struktur pemilikan tanah yang ujud hari ini. Sejarah negeri Kelantan sebelum kedatangan penjajah Inggeris tidak banyak diketahui atau dituliskan oleh ahli-ahli sejarah. Apa yang jelas diketahui ialah bahawa sebelum negeri itu jatuh ke tangan penjajah Inggeris, ia disebut sebagai 'Negeri-Negeri Melayu Di Bawah Kekuasaan Siam', bersama-sama dengan negeri Kedah, Perlis, dan Terengganu.[1]

Negeri Kelantan diperintah oleh seorang Sultan atau Raja dengan cara pemerintahan feudal. Sistem pemerintahan feudal-bersultan telah dibincangkan dengan panjang lebar oleh J.M. Gullick.[2] Walau pun negeri ini diperintah oleh Sultannya sendiri, namun ia sentiasa tertakluk kepada kekuasaan Siam di mana setiap Sultan atau Raja yang menaiki takhta kerajaan telah menghantar 'Bunga Mas' kepada Raja Siam (atau Raja Ligor) sebagai tanda 'tunduk' kepada Raja Itu.[3]

---

[1] Lihat R. Emerson, Malaysia: A Study in Direct and Indirect Rule, University of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1964.

[2] J.M. Gullick, Indigenous Political System of Western Malaya, London, 1958.

[3] Lihat Ismail Bakti, "'Bunga Mas' Golden Flowers, Gift or Tributes', Malaya in History, Vol. 6, No. 1, Julai 1960, hal. 40-42.

University of Malaya

Penjajah Inggeris telah mula menaruh minat kepada negeri Kelantan sejak tahun 1826, terutamanya untuk tujuan perdagangan. Ini dapat dilihat dari butir-butir Perjanjian Burney antara Inggeris dan Siam pada tahun itu yang berbunyi;

> "Siam shall not go and obstruct or interrrupt commerce in the States of Tringano (sic. Terengganu) and Calantan (sic. Kelantan); English merchants and subjects shall have trade and intercouse in future with the same facility and freedom as they have heretofore had, and the English shall not go and molest, attack, or disturb those states upon any pretence whatever."[4]

Antara tahun 1826 hingga 1899, perhubungan antara Inggeris dan Siam berkaitan dengan kedudukan negeri Kelantan tidaklah begitu jelas di dalam sejarah negeri itu. Walau bagaimana pun, dalam tahun 1899, suatu perjanjian dibuat antara Inggeris dan Siam, dan di dalam perjanjian itu Inggeris mengakui bahawa Kelantan dan Terengganu adalah merupakan negeri-negeri yang dikuasai oleh Siam.[5] Tiga tahun kemudian, seorang Residen yang mewakili kerajaan Siam dari bangsa Inggeris telah dihantar ke Kelantan.

Sejarah negeri Kelantan selepas tahun 1899 hingga 1909 adalah sangat menarik perhatian ahli-ahli sejarah. Sebagai 'Negeri-Negeri Di Bawah Kekuasaan Siam', negeri Kelantan (berserta negeri-negeri Kedah, Perlis, dan Terengganu) adalah tidak termasuk ke dalam lingkungan kawasan kolonial British. Pada masa itu terdapat konflik antara polisi imperial Britain terhadap Siam dengan minat kolonial Inggeris di Tanah Melayu.

---

[4] Artikel XII, Perjanjian Burney; untuk mengetahui butir-butir penuh Perjanjian tersebut, lihat W.G. Maxwell & W.S. Gibson, Treaties and Engagements Affecting the Malay States and Borneo, London, 1924, hal. 77-82.

[5] Lihat E. Thio, "The Turning Point in Britain's Malayan Policy", The Historical Journal, University of Malaya, Singapore, Vol. 3, 1957.

University of Malaya

Pejabat kolonial Inggeris di Tanah Melayu (Negeri-negeri Selat dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu) berminat untuk membuka 'Negeri-negeri Melayu Di Bawah Kekuasaan Siam' kepada pengusaha-pengusaha British. Governor Negeri-negeri Selat, Sir Frank Swettenham, melakukan apa sahaja yang terdaya olehnya untuk mengubah polisi imperial Britain supaya menguasai sepenuhnya negeri-negeri itu, terutamanya Kelantan, dengan menekankan alasan bahaya kemasukan kuasa-kuasa asing ke dalam negeri-negeri tersebut.[6] Walau pun Perjanjian Sempadan yang diadakan pada tahun 1902 antara Inggeris dan Siam, merupakan suatu strateji Inggeris untuk 'mengawal' negeri-negeri tersebut bagi faedah kolonial Inggeris sendiri, namun menurut Swettenham, strateji itu telah tidak memadai lagi.[7] Oleh itu jelas menunjukkan bahawa persaingan antara kuasa-kuasa penjajah di peringkat internasional menjadi sebab pokok yang membawa kepada berlakunya penjajahan Inggeris keatas negeri tersebut kemudiannya.[8] Walau bagaimana pun, kegiatan R.W. Duff[9] telah dijadikan sebab yang immediate kearah penjajahan itu.

Dalam tahun 1900, Duff telah diberikan hak concession ke atas tanah seluas 2,000 batu persegi oleh Sultan Kelantan,

---

6 Kuasa-kuasa asing yang dimaksudkan itu ialah Perancis, German, dan Russia yang sedang berusaha meluaskan pangkalan-pangkalan mereka di negeri Cina dan Timur Jauh di sekitar tahun-tahun 1890an; lihat E. Thio, Ibid.; R. Sankaran, "Prelude to the British Forward Movement of 1909", Peninjau Sejarah, Vol. I, No. 2, Disember 1966, hal. 28; Khoo Kay Kim, "The Origins of British Administration in Malaya", Peninjau Sejarah, op. cit.; dan A.J.S. Reis, "A Russian in Kelantan?", Peninjau Sejarah, Ibid.

7 Lihat E. Thio, op. cit.

8 Ibid.

9 R.W. Duff seorang pegawai polis di Negeri Pahang yang bertukar menjadi seorang pengusaha dan pedagang; lihat R. Emerson, op. cit., hal. 253.

kerana Duff berjanji kepada Sultan Kelantan bahawa beliau akan membantu baginda membebaskan diri dari kekuasaan Siam.[10] Duff dibenarkan menjalankan kegiatan perlombongan emas, bijih timah, dan mengeluarkan hasil-hasil hutan dari tanah yang luas itu. Dalam tahun 1903, Duff telah menubuhkan sebuah syarikat yang dinamakan <u>The Duff Development Company</u>, di London. Syarikat ini telah menjalankan kegiatan perlombongan dan perladangan getah di negeri itu secara besar-besaran. Walau pun kegiatan perlombongan emas dan bijih kurang berkaya, tetapi ternyata bahawa kegiatan perladangan getah telah menampakkan kejayaan yang menggalakkan.

"Incidentally, the Company was the first to plant rubber on the North East Coast of Malaya. This it did successfully and was the means of inducing others to develop this important Agricultural Industry in the State."[11]

Perkembangan perusahaan perladangan getah yang dimulakan oleh Duff dan persaingan kuasa-kuasa penjajah di peringkat internasional akhirnya telah mengubah polisi <u>imperial</u> Britain terhadap 'Negeri-negeri Di Bawah Kekuasaan Siam' itu. Dalam tahun 1090, dengan Perjanjian Inggeris-Siam, maka negeri-negeri tersebut telah secara resmi menjadi tanah jajahan Inggeris dan termasuk ke dalam lingkongan negeri-negeri koloni Inggeris.

---

10 Terdapat beberapa kenyataan yang tidak serupa tentang jumlah keluasan tanah yang di<u>concessionkan</u> kepada Duff, H.A. Crowford menyatakan keluasan tanah itu ialah 2,500 batu persegi, lihat "The Birth of the Duff Development Company in Kelantan, 1900-1912", <u>Malaysia in History</u>, Vol. 13, No. 2, hal. 5; R. Emerson menyatakan 3,000 batu persegi, <u>op. cit.</u>, hal. 253; dan sumber-sumber lain menyatakan 2,000 batu persegi sahaja; lihat Sankaran, <u>op.cit.</u> dan Reid, <u>op.cit.</u>

11 Malaya, <u>British Malaya</u>, (The Magazine of the Association of British Malaya), London, Vol. 11, 1936-37, hal. 246.

Kemudiannya, negeri-negeri ini telah disebutkan sebagai 'Negeri-negeri Melayu Tak Bersekutu'. Negeri Kelantan dan Terengganu telah dianggap oleh ahli-ahli sejarah sebagai negeri-negeri protectorate Inggeris[12] yang bererti;

"A protectorate is said to exist when state, by treaty, surrenders to a stronger state a considerable measure of the control of its foreign relations or a right of intervention in its domestic affairs in return for a guarentee of protection."[13]

Apa yang perlu ditekankan berhubung dengan kemasukan negeri Kelantan ke dalam lingkungan koloni Inggeris ialah bahawa negeri itu hanya diperintah secara indirect oleh penjajah Inggeris melalui seorang Penasihat Inggeris[14] yang bertugas untuk 'menasihatkan' Sultan di dalam segala hal, kecuali hal-hal ugama dan adat-istiadat. Oleh itu terdapat perca puran antara sistem pentadbiran Inggeris (Barat) dengan sistem pentadbiran tradisional. Ini mengujudkan suatu golongan pentadbir atau bureaucrat yang terdiri dari elites tradisional dan golongan kelas salariat sebagai kelas pertengahan yang baru.

Apa yang sangat ketara terlihat ialah bahawa dengan kedatangan penjajah Inggeris ke Kelantan, sistem pentadbiran Barat telah mula diperkembangkan dan ini menjadi asas kepada perkembangan sistem ekonomi ekspot penjajah, yang berorientasikan kegiatan perlombongan dan perladangan. Menurut Emerson,

---

12 Lihat R. Emerson, op.cit, hal. 249.

13 A.H. Fuller, "Protectorate", Encyclopedia of the Social Sciences, Vol. 12, hal. 567.

14 Berbeza dengan Negeri-negeri Melayu Bersekutu yang memakai Sistem Residen, Lihat Emerson, op.cit.

tujuan pentadbiran kolonial Inggeris ialah supaya, "...the outstanding characteristics of the old order...to be combatted and replaced by more acceptable methods of transacting the public business..."[15] Seterusnya Emerson menambah bahawa order baru yang diperkembangkan oleh kolonial Inggeris ialah semata-mata untuk menjamin keuntungan imperial Britain sendiri.[16]

Perkembangan ekonomi ekspot kolonial Inggeris di Kelantan seperti yang telah dinyatakan di atas, adalah berorientasikan kegiatan perlombongan dan perladangan, dan di antara dua kegiatan ini, kegiatan perladangan getah merupakan kegiatan ekonomi yang terpenting. Tidak perlu diperdebatkan lagi bahawa perkembangan ekonomi ekspot di Kelantan adalah manifestasi dari perkembangan sistem kapitalisma yang dibawa oleh kolonial Inggeris. Ini mempunyai hubungan yang rapat dengan masaalah kemiskinan dan kemunduran yang dihadapi oleh masyarakat tani di negeri itu, lebih-lebih lagi jika ia dilihat dari segi perubahan sistem pemilikan tanah yang mengujudkan struktur sosio-ekonomi masyarakat tani di Kelantan hari ini. Ini ialah kerana perkembangan ekonomi ekspot kolonial mengujudkan suatu struktur pemilikan tanah yang baru yang berbeza dengan struktur pemilikan tanah tradisional yang akan dibincangkan di bawah. Walau bagaimana pun perlu disebutkan bahawa keujudan kegiatan perladangan secara besar-besaran mempunyai kesan ke atas struktur masyarakat di negeri Kelantan sebagai negeri tanah jajahan.[17]

---

15 Emerson, Ibid., hal.252.

16 Ibid., hal. 1.

17 W.F. Wertheim menyatakan, "It is not until the introduction of large scale cultivation of commercial crops that the structure of Southeast Asian societies underwent a basic change...", Dawning of an Asian Dream, Amsterdam, 1973, hal. 16.

University of Malaya

Perubahan Sistem Pemilikan Tanah.

Di sini akan dibincangkan perubahan sistem pemilikan tanah dari sistem tradisional kepada sistem baru yang dibawa atau diamalkan oleh kolonial Inggeris di negeri Kelantan. Sistem pemilikan tanah tradisional ini bermaksud sistem pemilikan tanah feudal sebelum kedatangan kolonial Inggeris. Menurut Undang-Undang Melayu Tradisional, kesemua tanah adalah milik atau harta Sultan atau Raja yang memerintah.[18] Walau bagaimana pun, petani-petani mempunyai hak mengerjakan tanah itu untuk bercucuk-tanam dengan syarat-syarat; (a) petani-petani dikehendaki memberikan sebahagian tertentu dari hasil tani mereka kepada Sultan atau Raja (biasanya satu persepuluh dari jumlah hasil tani), (b) petani-petani dikehendaki memberikan perkhidmatan percuma kepada Sultan atau Raja apabila dikehendaki, dan (c) petani-petani tidak membiarkan tanah yang telah dikerjakan itu menjadi terbiar tanpa dikerjakan selama lebih dari tiga tahun.

Apa yang jelas menurut sistem ini ialah bahawa kesemua tanah adalah milik Sultan atau Raja, ini bererti bahawa tiada seorang petani pun yang memiliki tanah sendiri. Walau bagaimana pun, petani-petani tidak menghadapi masaalah kekurangan tanah untuk dikerjakan kerana pada masa itu sesiapa sahaja boleh mengerjakan tanah seberapa luas yang termampu asalkan mereka mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan. Di dalam pengertian kini, petani-petani dapat dianggap sebagai penyewa sepenuhnya tanah dari Sultan atau Raja dengan bayaran sewa sebanyak 10 % dari hasil keluaran.

---

18 Untuk mengetahui tentang sistem pemilikan tanah tradisional, sila lihat J.M. Gullick, Indigenous Political Systems of Western Malaya, London, Athlonr Press, 1965; juga lihat L.A. Mills, "The Malacca Land Problem 1825-1884", JMBRAS, Vol. 33, pt. 3, Nov. 1960, hal. 118-136.

Di Kelantan, sebelum kedatangan penjajah Inggeris, tanah boleh dikerjakan oleh petani-petani setelah mendapat surat kebenaran atau grant (chop) yang dikeluarkan oleh Sultan.[19] Di dalam tahun-tahun di mana pehak penjajah Inggeris mula mencampuri hal-ehwal pentadbiran negeri Kelantan (1900-1909), penasihat-penasihat Inggeris telah melakukan beberapa perubahan di dalam sistem pemilikan tanah di negeri itu. Dalam tahun 1907, suatu peraturan pemilikan tanah baharu telah diperkenalkan dimana kesemua orang yang ingin mengerjakan tanah haruslah mendapat Surat Kenaran Miliki Tanah Kerajaan.[20] Apabila Kelantan menjadi tanah jajahan Inggeris pada tahun 1909, lebih banyak perubahan yang dilakukan ke atas sistem pemilikan tanah di negeri itu. Dalam tahun 1917 telah dilakukan apa yang disebut sebagai '<u>land reform</u>'oleh penjajah Inggeris di mana keseluruhan sistem pemilikan tanah tradisional telah diganti dengan sistem baharu. Di bawah sistem baharu ini, kesemua tanah yang dikerjakan oleh petani-petani mestilah didaftarkan di pejabat tanah atau pejabat daerah, dan tanah-tanah itu ditetapkan cukainya. Petani-petani tidak dibenarkan mengerjakan tanah lain tanpa mendapat kebenaran dari pejabat tanah atau pejabat daerah. Sistem pemilikan tanah baharu ini menetapkan cukai menurut kategori yang tertentu seperti di bawah;

a. kelas 1, cukainya antara $1 hingga $1.20, seekar,
b. kelas 2, cukainya 80 sen, seekar,
c. kelas 3, cukainya 60 sen, seekar, dan
d. kelas 4, cukainya 40 sen, seekar.

---

19 Lihat L.R. Robert, Kelantan 1890-1939: Government in Transition, Tisis M.A., Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1973.

University of Malaya

Pada asasnya, sistem pemilikan tanah yang baharu yang diperkenalkan oleh penjajah Inggeris di Kelantan adalah bertujuan untuk menghapuskan sistem di mana tanah adalah menjadi milik Sultan atau Raja sepenuhnya. Penghapusan sistem ini sangat penting bagi penjajah Inggeris kerana didapati bahawa permintaan keatas tanah untuk dijadikan ladang-ladang getah adalah semakin mendesak. Oleh itu, tanah perlulah dibebaskan dari dimiliki sepenuhnya oleh Sultan atau Raja. Perombakan sistem pemilikan tanah tradisional ini membolehkan lebih ramai lagi pemodal dan peladang Inggeris menjalankan perusahaan perladangan yang sangat penting bagi perkembangan ekonomi ekspot penjajah sendiri. Walau bagaimana pun, sistem pemilikan tanah baharu itu tidaklah merampas sepenuhnya hak Sultan atau Raja untuk memiliki tanah yang luas. Berdasarkan sistem baharu itu, Sultan dan Raja diberikan hak yang istimewa untuk memiliki tanah yang luas di samping peladang-peladang Inggeris sendiri. Dalam tahun 1910, iaitu tiga tahun selepas sistem pemilikan tanah tradisional dimansuhkan,[20] terdapat tanah seluas 1,720 batu persegi diberikan kepada beberapa orang kerabat diraja untuk diusahakan, seperti di bawah.

JADUAL 4.1
KERABAT DIRAJA KELANTAN YANG MENGUASAI
TANAH DI KELANTAN, 1910.

| Nama | Keluasan. |
|---|---|
| 1. Tengku Petra Dalam Kebun | 200 batu persegi, |
| 2. Tengku Petri | 160 " " |
| 3. Tengku Wo | 260 " " |
| 4. Teng Perkurma | 350 " " |
| 5. Raja Muda<br>6. Tengku Seri Maharaja | 750 " " |
| Jumlah | 1,720 " " |

<u>Sumber</u>: L.R. Robert, <u>Ibid</u>., hal. 127.

University of Malaya

Walau pun setakat ini tidak terdapat data-data yang lengkap berhubung dengan jumlah tanah yang masih dikuasi oleh kerabat diraja Kelantan, namun gelaran 'tanah raja' adalah merupakan panggilan biasa bagi bidang tanah yang dimiliki oleh kerabat diraja ini.[20]

Di atas telah disebutkan tentang hak concession mengerjakan tanah yang diberikan oleh Sultan Kelantan kepada Duff dimana tanah itu telah diusahakan oleh The Duff Development Company.[21] Apa yang perlu ditegaskan ialah hakikat bahawa hak concession itu adalah merupakan langkah permulaan bagi pemodal-pemodal Inggeris untuk menguasai sepenuhnya tanah di negeri itu. Seperti yang telah disebutkan bahawa kegiatan Duff adalah merupakan sebab yang immediate yang membawa negeri itu terjerumus kedalam kekuasaan penjajahan Inggeris. Setelah Duff mendapat hak concession tanah dan setelah didapati bahawa kegiatan yang dilakukan oleh syarikat Duff adalah menguntungkan ekonomi ekspot Inggeris, maka pihak kolonial Inggeris telah memberikan perhatian kepada ugutan Duff bahawa kolonial Inggeris hendaklah menguasai sepenuhnya negeri Kelantan. Jika tidak, syarikatnya akan menjualkan sahamnya di pasaran saham di negara-negara Eropah yang lain yang sedang bertanding dengan imperial Britain. Kerana ugutan Duff dan juga kerana ingin memonopoli keseluruhan negeri-negeri di Tanah Melayu maka akhirnya negeri Kelantan (dan negeri-negeri lain yang termasuk kedalam 'Negeri-negeri Di Bawah Kekuasaan

---

20 Lihat struktur pemilikan 'tanah raja' di halaman

21 Lihat hal. 28.

Siam') menjadi tanah jajahan Inggeris. Di dalam suasana kekusutan politik antara tahun 1900 hingga 1909, negeri Kelantan telah menarik perhatian semakin ramai lagi peladang-peladang dan pemodal-pemodal Inggeris yang lain selain dari Duff. Apabila negeri itu jatuh ketangan penjajah Inggeris pada tahun 1909, telah terdapat sepuluh buah syarikat Inggeris yang menjalankan kegiatan perlombongan dan perladangan secara besar-besaran. Ini jelas menunjukkan bahawa negeri Kelantan telah menjadi penting di dalam konteks perkembangan ekonomi ekspot penjajah sendiri. Untuk melepaskan negeri itu ketangan kuasa-kuasa asing adalah mustahil kerana ia bertentangan dengan kepentingan penjajah Inggeris sendiri. Syarikat-syarikat Inggeris di Kelantan itu adalah seperti berikut;

1. The Duff Development Company Ltd.,
2. The Kelantan Exploration Syndicate Ltd.,
3. The Galas River Syndicate Ltd.,
4. The Nenggiri Prospecting & Mining Concession, dan
5. The Bukit Merbau Mining Syndicate.

Dalam tahun yang sama juga terdapat 5 buah syarikat perladangan yang memiliki tanah seluas 8,400 ekar seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah.

JADUAL 4.2
LADANG-LADANG KEPUNYAAN INGGERIS
DI KELANTAN, 1910.

| Nama ladang | Tanaman | Keluasan. (ekar) |
|---|---|---|
| 1. The Bagan Rubber Estate | getah | 1,000 |
| 2. The Bagan Rubber Company Ltd., | getah | 4,000 |
| 3. The Kubang Yu Coconut Estate, | kelapa | 1,000 |
| 4. The Bukit Ator Estate, | getah | 1,900 |
| 5. The Pasir Puteh Coconut Estate. | kelapa | 500 |
| Jumlah | | 8,400 |

University of Malaya

The Duff Development Company merupakan syarikat perladangan yang terbesar di negeri Kelantan yang memiliki ladang getah seluas 19,856 ekar. Data yang lengkap adalah seperti di bawah.

JADUAL 4.3
LADANG-LADANG GETAH KEPUNYAAN
THE DUFF DEVELOPMENT CO., LTD.
1909.

| Nama ladang | Keluasan (ekar) |
|---|---|
| Kerila Estate | 9,000 |
| Lower Sokor Estate | 1,263 |
| Kenneth Estate | 1,089 |
| Taku Estate | 2,296 |
| Kuala Gris Estate | 6,208 |
| Jumlah | 19,856 |

Sumber: Annual Report of Kelantan, 1910, hal. 50.

Ini menunjukkan bahawa sejak tahun 1900 apabila Duff mula mendapat hak concession mengusahakan tanah di Kelantan hinggalah ketahun 1909, lebih dari 28.000 ekar tanah negeri itu telah dimiliki oleh peladang-peladang Inggeris. Pemilikan tanah oleh peladang-peladang Inggeris dinegeri Kelantan semakin bertambah selepas negeri itu menjadi tanah jajahan Inggeris terutamanya apabila perusahaan perladangan getah menjadi begitu penting berikutan dari permintaan terhadap getah yang tinggi dan harganya yang melambung di pasaran getah di Eropah.

University of Malaya

Dua puluh tahun kemudian, iaitu dalam tahun 1929, keluasan tanah yang dikuasai oleh peladang-peladang getah Inggeris telah bertambah menjadi lebih dari 60,000 ekar. Data-data yang lengkap tentang pemilik-pemilik ladang getah dan keluasan ladang getah mereka adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah.

JADUAL 4.4
NAMA-NAMA LADANG GETAH, NEGERI ASAL
PEMILIK DAN KELUASANNYA, 1969.

| Nama Ladang | Negeri pemilik | keluasan. (ekar) |
|---|---|---|
| 1. The Duff Development Co., Ltd., | Britain | 19,856 |
| 2. Kelantan Rubber Estate (1933) Ltd., | Britain | 7,328 |
| 3. Kuala Pertang Syndicate Ltd., | Britain | 5,400 |
| 4. Kuala Pergau Rubber Plantations, | Britain | 3,944 |
| 5. Kuala-Nal Kelantan Rubber Co., Ltd., | Britain | 3,873 |
| 6. Kuala Geh Estate Ltd., | Britain | 3,169 |
| 7. Pahi Plantation Ltd., | Britain | 3,004 |
| 8. Sungai Timah Estate Ltd., | Britain | 1,475 |
| 9. K.H. Syndicate, Ltd., | Britain | 1,369 |
| 10. Sungai Bagan Rubber Co., Ltd., | Singapura | 3,598 |
| 11. Dominion Rubber Co., Ltd., of New Zealand, | New Zealand | 1,875 |
| 12. The Shanghai Kelantan Rubber Estate, Ltd., | Hong Kong | 2,996 |
| 13. New Zealand Malay Rubber Co., Ltd., | New Zealand | 1,031 |
| 14. Cherang Tuli Estate. | Nairobi | 1,178 |
| Jumlah | | 60,096 |

Sumber: Directory of Malaya 1929, Singapore, hal. 482-630.

Empat belas ladang getah yang luasnya lebih dari 1,000 ekar tiap-tiap satu meliputi 80 % dari kawasan yang ditanam dengan getah pada tahun 1933.[22] Pemilikan tanah-tanah ladang yang luas ini sangat berbeza dari luas tanah bendang yang dimiliki oleh petani-petani yang akan dibincangkan kemudian.[23] Apa yang penting ditekankan di sini ialah bahawa perkembangan ekonomi ekspot penjajah Inggeris di negeri-negeri Tanah Melayu termasuk negeri Kelantan menyebabkan tanah di negeri-negeri tersebut telah dimiliki oleh peladang-peladang dari negara-penjajah sendiri. Pemilikan tanah itu dapat dilihat dari dua segi, iaitu, (a) kawasan tanah yang dimiliki oleh peladang-peladang Inggeris di dalam sesebuah negeri mungkin tidak luas, tetapi, (b) bidang tanah yang dimiliki oleh sesebuah ladang adalah sangat luas. Sehingga tahun 1957, terdapat 14 buah ladang getah yang besar dimiliki oleh peladang-peladang Inggeris di Kelantan, seperti yang ditunjukkan di dalam jadual 4.4 di atas. Keluasan tanah ladang yang berjumlah lebih dari 60,000 ekar ini merupakan 20 % dari keluasan tanah yang telah dibuka di negeri Kelantan. Ini bererti bahawa hanya 14 buah ladang getah kepunyaan peladang-peladang dari negara penjajah menguasaan 20 % dari tanah pertanian di negeri Kelantan.

University of Malaya

Perkembangan perusahaan perladangan getah adalah ditentukan oleh keadaan harga pasaran getah itu sendiri. Oleh itu, semasa harga getah melambung antara tahun-tahun 1920an dan 1950an, peladang-peladang getah Inggeris terus menguasai ladang-ladang yang luas ini. Walau bagaimana pun,

---

[22] Keluasan kawasan pertanian dalam tahun 1933 ialah lebih kurang 75,000 ekar; lihat Annual Report of Kelantan, hal. 11.

[23] Lihat bab. IV.

dengan kemerosotan harga getah dalam tahun 1960an, maka beberapa buah dari ladang-ladang getah kepunyaan peladang-peladang Inggeris telah dijualkan kepada peladang-peladang tempatan. Sehingga tahun 1969, lebih dari separuh ladang-ladang getah di negeri Kelantan adalah kepunyaan peladang-peladang tempatan, selebihnya dimiliki oleh peladang-peladang Inggeris dan Singapura. Dalam tahun 1969, terdapat 72 buah ladang getah di Kelantan yang meliputi bidang tanah seluas lebih dari 40,000 ekar.[24] Walau pun dari segi bilangan, ladang, didapati bahawa pemilik yang teramai ialah peladang-peladang tempatan, namun dari segi keluasan didapati bahawa ladang-ladang yang dimiliki oleh peladang asing (Inggeris dan Singapura) adalah lebih luas lagi.

JADUAL 4.5
PEMILIK-PEMILIK LADANG GETAH DAN KELUASANNYA.

| Warga negara | Bilangan ladang | Keluasan. (ekar) |
|---|---|---|
| Malaysia | 57 | 18,535 |
| Britain | 8 | 19,738 |
| Singapura | 7 | 1,990 |
| Jumlah | 72 | 40,263 |

Sumber: R. Chander, Buku Maklumat Perangkaan Getah, Jabatan Perangkaan Malaysia, Kuala Lumpur, 1969, (jadual 3.6, hal. 30).

---

24 Didapati bahawa keluasan ladang-ladang getah telah berkurangan jika dibandingkan dengan tahun 1950an kerana beberapa buah ladang telah dijual kepada pekebun-pekebun kecil tempatan dengan ladang yang luasnya kurang dari 100 ekar; lihat hal.

University of Malaya

Apa yang lebih penting dilihat ialah struktur pemilikan tanah ladang itu. Ini ialah kerana struktur pemilikan tanah ladang ini perlu dibandingkan dengan struktur pemilikan tanah bendang di mana akan dapat dilihat suatu gambaran struktur pemilikan tanah yang sangat ekstrim. Jika dilihat struktur pemilikan tanah ladang didapati bahawa sebahagian besar ladang getah adalah mempunyai keluasan antara 100 hingga 500 ekar seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah.

JADUAL 3.6
STRUKTUR KELUASAN LADANG GETAH.

| Keluasan. (ekar) | Bilangan | Peratus |
|---|---|---|
| 0 - 499 | 55 | 77.0 |
| 500 - 999 | 4 | 5.4 |
| 1,000 - 1,999 | 9 | 12.2 |
| 2,000 - 2,999 | 3 | 4.0 |
| 3,000 - 4,999 | - | 0.0 |
| 5,000 keatas. | 1 | 1.4 |
| Jumlah | 72 | 100.0 |

<u>Sumber</u>: R. Chander, <u>Ibid</u>., hal. 18.

Di dalam peroses pemecahan ladang, golongan petani-petani adalah tidak terlibat. Walau pun berlaku peroses di mana tanah ladang yang dimiliki oleh peladang-peladang Inggeris bertukar tangan kepada peladang-peladang tempatan, namun petani-petani terus mempunyai bidang tanah yang kecil yang akan dibincangkan dalam bab seterusnya.

University of Malaya

Seperti yang telah dinyatakan di atas, telah berlaku perpindahan milik ladang getah dari peladang-peladang Inggeris kepada peladang-peladang tempatan dapat dilihat dengan kemunculan ladang-ladang baru di sekitar tahun 1960an. Tiga daripada ladang yang baru muncul kepunyaan peladang tempatan ialah;[25]

1. Bukit Jack Estate,
2. Hidong Estate Ltd., dan
3. Tong Ann Estate.

Tiga buah ladang getah ini mempunyai keluasan lebih dari 500 ekar tiap-tiap satu. Apa yang hendak ditunjukkan di sini ialah bahawa peroses pertukaran milik tanah yang berbidang luas hanya melibatkan golongan yang kaya yang bukannya terdiri dari golongan petani. Pemilik tiga buah ladang getah di atas ialah tiga orang pemodal dari kaum tionghua yang juga mempunyai hubungan dengan kegiatan perdagangan yang besar di negeri itu.[26]

---

25 Nama penuh bagi semua ladang-ladang getah di Kelantan dalam tahun 1969 tidak diperolehi oleh pengkaji kerana kesulitan mendapatkan sumber.

26 Misalnya, tuan punya Tong Ann Estate juga menjadi salah seorang pengarah Harper Gilfillan (M) Sdn. Bhd. yang menjalankan kegiatan perdagangan di negeri Kelantan.

University of Malaya

BAB IV

# STRUKTUR PEMILIKAN TANAH BENDANG DI KELANTAN PADA MASA KINI DAN BEBERAPA KAJIAN KES.

**Struktur Pemilikan Tanah Bendang Secara Am.**

Seperti yang telah dinyatakan di atas bahawa di negeri Kelantan terdapat tanah bendang seluas 188,390 ekar.[1] Tanah yang seluas ini menjadi sumber pengeluaran bagi kira-kira 56,000 keluarga petani yang menggantungkan sebahagian besar dari kehidupan mereka kepada pengeluaran padi.[2] Berdasarkan angka-angka di atas, maka didapati bahawa secara hitung-panjang setiap keluarga petani harus memiliki tanah bendang seluas 3.1 ekar. Walau bagaimana pun, apa yang sebenarnya ujud ialah bahawa keluasan tanah yang dimiliki oleh petani-petani adalah tidak sama rata.

Bagi seluruh negeri Kelantan, golongan petani yang cukup[3] bertanah sendiri adalah kecil bilangannya jika dibandingkan dengan bilangan petani-petani yang tidak cukup memiliki tanah atau pun yang tidak bertanah langsung. Telah dianggarkan bahawa hanya 25 % sahaja dari jumlah petani-petani di Kelantan yang mempunyai tanah sendiri dan cukup sebagai sumber pengeluaran pertanian mereka. 75 % lagi termasuk ke dalam golongan yang tidak cukup memiliki tanah atau pun tidak langsung memiliki secebis tanah yang dapat dijadikan sumber pengeluaran pertanian. Struktur pemilikan tanah bendang secara am di Kelantan adalah seperti yang ditunjukkan oleh jadual di bawah

---

[1] Lihat hal. 20.

[2] Lihat hal. 21.

[3] 'Cukup' di sini diertikan sebagai memadai sebagai sumber pengeluaran secukup hidup.

JADUAL 4.1

KEDUDUKAN PEMILIKAN TANAH BENDANG DI KALANGAN PETANI-PETANI DI KELANTAN, 1973.

| Pemilikan | Bil. keluarga petani | Peratus |
|---|---|---|
| Bertanah sendiri | 14,000 | 25 |
| Menyewa sebahagian[a] | 30,800 | 55 |
| Menyewa sepenuhnya[b] | 11,200 | 20 |
| Jumlah | 56,000[c] | 100 |

Sumber: Jabatan Pertanian dan Perikanan, Kota Bharu, Kelantan.

Nota:

[a]Menyewa sebahagian bererti keluarga-keluarga petani yang terlibat tidak mempunyai tanah yang cukup sebagai sumber pengeluaran.

[b]Menyewa sepenuhnya kerana keluarga-keluarga petani yang terlibat tidak mempunyai tanah langsung.

[c]Jumlah ini merupakan 19 % dari jumlah petani-petani di Malaysia Barat; lihat Lampiran A.

Data-data yang ditunjukkan di atas hanya memberikan gambaran yang sangat diringkaskan. Kajian yang dilakukan pada tahun 1968[4] menunjukkan bahawa ujudnya struktur pemilikan tanah yang tidak serata. Menurut kajian itu, 9 % dari jumlah petani-petani di kawasan rancangan pengairan Kemubu memiliki tanah yang luasnya kurang dari seekar, 38 % memiliki tanah kurang dari 2 ekar, 68 % mempunyai tanah kurang dari 3 ekar, yang selebihnya iaitu 32 % sahaja yang memiliki tanah yang

4 Lihat S. Selvadurai, Socio-Economic Study of Padi Farms in the Kemubu Area of Kelantan, 1968, Kementerian Pertanian dan Kerjasama Malaysia, Kuala Lumpur, Okt. 1969.

University of Malaya

luasnya lebih dari 3 ekar. Walau bagaimana pun, hanya 1 % sahaja dari jumlah petani yang memiliki tanah yang luasnya lebih dari 7 ekar, 18 % memiliki tanah seluas antara 3 hingga 3.99 ekar, 8 % antara 4 hingga 4.99 ekar, dan 5 % antara 5 hingga 6.99 ekar. Data yang lengkap adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah.

JADUAL 4.2
SAIZ TANAH YANG DIMILIKI OLEH PETANI-PETANI DI KELANTAN, 1968.

| Saiz tanah bendang (ekar) | Bil. pemilik[a] (keluarga) | Peratus. |
|---|---|---|
| Kurang dari 1 ekar | 5,040 | 9 |
| 1 - 1.99 " | 16,240 | 29 |
| 2 - 2.99 " | 16,800 | 30 |
| 3 - 3.99 " | 10,080 | 18 |
| 4 - 4.99 " | 4,480 | 8 |
| 5 - 6.99 " | 2,800 | 5 |
| lebih dari 7 ekar. | 560 | 1 |
| Jumlah | 56,000 | 100 |

Sumber: S. Selvadurai. Socio-Economic Study of Padi Farms in the Kemubu Area of Kelantan, 1968, Kementerian Pertanian dan Kerjasama Malaysia, Kuala Lumpur, Okt. 1969, hal. iv.

Nota: [a]Angka ini dihitung oleh penulis sendiri berdasarkan data-data dalam jadual 5.1.

Jadual di atas walau pun dapat menerangkan bilangan dan peratus keluarga petani-petani dalam hubungan mereka dengan saiz tanah yang mereka miliki, namun tidak menerangkan komposisi antara tanah yang dimiliki sendiri dan yang disewa yang dikerjakan oleh petani-petani.

University of Malaya

Kajian yang sama[5] menunjukkan bahawa petani-petani yang memiliki tanah sendiri secara hitung panjang mempunyai tanah yang luasnya tidak lebih dari 1.9 ekar. Oleh itu petani-petani yang tidak cukup memiliki tanah secara hitung panjang telah menyewa tanah antara seekar hingga 1.9 ekar, menjadikan keluasan tanah yang dikerjakan secara hitung panjang seluas tidak lebih dari 2.9 ekar. Bagi petani-petani yang menyewa tanah sepenuhnya didapati bahawa secara hitung panjang tanah yang mereka kerjakan tidak lebih dari 2.4 ekar. Ini menunjukkan bahawa sebilangan besar petani-petani, samaada bertanah sendiri, menyewa sebahagian, atau pun menyewa sepenuhnya, mengusahakan bidang tanah yang luasnya tidak lebih dari 3 ekar.

Berdasarkan data-data pemilikan tanah yang telah ditunjukkan oleh jadual 5.1, pada amnya pemilikan tanah itu dapat dibahagikan kapada tiga, iaitu;

(a) pemilik tanpa menyewa,
(b) pemilik dan menyewa, dan
(c) menyewa tanpa memilik.

Pembahagian ini merupakan suatu kelasifikasi yang diringkaskan di mana di dalam tiap-tiap golongan ini masih terdapat beberapa perbezaan yang akan dihuraikan di bawah.

(a) <u>Pemilik Tanpa Menyewa</u>.

Apa yang ditunjukkan oleh jadual 5.1 ialah bahawa di Kelantan terdapat 25 % petani-petani yang cukup mempunyai tanah dengan pengertian bahawa mereka tidak menyewa tanah lain untuk dijadikan sumber pengeluaran pertanian mereka. Walau bagaimana pun, berdasarkan kajian

---

[5] S. Selvadurai, Ibid.

dan pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji sendiri didapati bahawa golongan ini dapat dibahagikan kepada tiga kumpulan, iaitu;

(i) Pemilik tanah bendang yang bukan terdiri dari petani-petani,

(ii) pemilik tanah bendang dari kaum petani yang mengerjakan sepenuhnya tanah mereka, dan

(iii) pemilik tanah bendang dari kaum petani yang menyewakan sebahagian atau separuh dari tanah mereka kepada petani-petani lain.

Ciri-ciri pemilikan tanah bagi kumpulan-kumpulan ini akan dibincangkan dengan secara ringkas satu persatu.

(i) Pemilik Tanah Bendang Bukan Petani.

Pemilik tanah bendang yang bukan terdiri dari kaum petani, tanah bendang yang dimiliki bukanlah merupakan sumber pengeluaran tani bagi mereka. Oleh itu, tanah yang dimiliki disewakan kepada petani-petani yang menjadi yunit pengeluaran bagi mereka. Dengan lain perkataan, yunit yang memiliki tanah tidaklah merupakan yunit pengeluaran yang mengusahakan tanah itu sendiri di dalam kegiatan pertanian. Seperti yang telah dinyatakan di dalam bab II,[6] bahawa ciri-ciri ekonomi tani yang asas ialah ialah apabila dapat dikesan keujudan bendang keluarga atau family farm, di mana sesebuah keluarga petani itu sebagai yunit pengeluaran mempunyai tanah sendiri yang menjadi sumber pengeluaran dan diusahakan sendiri dengan tenaga kerja yang disediakan oleh anggota-anggota keluarga sendiri. Apa yang ujud di Kelantan ialah bahawa pemilik tanah bendang yang bukan dari kaum petani ini tidak terlibat di dalam kegiatan pertanian kerana kesemua bidang tanah yang dimiliki disewakan kepada petani-petani. Di dalam konteks ini, jelaslah bahawa golongan pemilik tanah bukan petani ini merupakan tuan tanah yang telah diistilahkan sebagai 'tuan tanah tidur' atau absentee landlords.

---

[6] Lihat hal. 18.

University of Malaya

(ii) Pemilik Tanah Bendang Dari Kaum Petani Yang Mengerjakan Tanah Mereka Sendiri.

Kumpulan kedua ialah pemilik tanah bendang yang terdiri dari kaum petani yang mengerjakan tanah mereka sepenuhnya. Oleh kerana kumpulan petani-petani ini mempunyai tanah sendiri, maka mereka tidaklah perlu menyewa tanah yang lain. Bidang tanah yang dapat dianggap sebagai tanah keluarga diusahakan oleh petani-petani itu sendiri dengan bantuan tenaga kerja dari ahli-ahli keluarga atau pun tenaga kerja yang didapati secara bergotong royong dalam masa-masa tertentu. Sebagai suatu yunit pengeluaran, petani-petani yang memiliki tanah sendiri ini mengusahakan tanah itu untuk menghasilkan keluaran secukup hidup, atau pun untuk dijual jika hasil keluaran itu mempunyai lebihan. Di dalam konteks ini dapat dikatakan bahawa sebuah keluarga tani dalam kumpulan itu adalah merupakan yunit pengeluaran dan penggunaan yang bebas.[7] Kumpulan petani-petani ini mempunyai tanah sendiri sebagai sumber pengeluaran, oleh itu mereka adalah bebas dari tanggung jawab untuk membayar sewa, pajak, atau pawah yang terpaksa dibayar oleh petani-petani lain.[8]

(iii) Pemilik Tanah Bendang Dari Kaum Petani Yang Menyewakan Tanah Mereka.

Pemilik tanah bendang dari kaum petani tetapi menyewakan sebahagian atau sepenuhnya tanah mereka kepada petani-petani lain kerana beberapa sebab,[9] adalah berbeza dari kumpulan pertama.[10] Kumpulan ini akan dihuraikan di bawah melalui kajian-kajian kes yang dilakukan oleh pengkaji sendiri.

---

[7] 'Bebas' dengan pengertian bahawa mereka tidak bergantung kapada tuan-tuan tanah untuk mendapatkan tanah.

[8] Lihat hal. 78.

[9] Lihat hal. 50 dan 51.

[10] Lihat hal. 46.

(b) Golongan Pemilik dan Menyewa.

Di Kelantan terdapat sejumlah 30,800 petani-petani yang memiliki tanah sendiri tetapi tidak mencukupi sebagai sumber pengeluaran untuk menampung keperluan hidup keluarga mereka.[11] Oleh itu, petani-petani dalam golongan ini terpaksa menyewa tanah lain sebagai tambahan kepada bidang tanah yang ada. Keluasan bidang tanah yang disewa adalah bergantung kepada keluasan tanah yang dimiliki sendiri oleh petani-petani itu. Golongan petani-petani ini mengerjakan dua bahagian tanah, iaitu, tanah sendiri sendiri dan tanah yang disewa. Oleh itu, sebahagian tertentu dari hasil keluaran tani mereka dari tanah yang disewa digunakan untuk membayar sewa tanah, dan ini bergantung kepada jenis sewaan yang dibuat dan saiz tanah yang disewa. Berdasarkan saiz tanah yang disewa bererti semakin besar saiz tanah yang disewa, semakin banyak bahagian hasil keluaran yang harus digunakan untuk membayar sewa. Ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut apabila diperkatakan beberapa kes yang dikaji.[12]

(c) Golongan Penyewa Tanpa Milik.

Golongan ini merupakan 20 % dari jumlah petani-petani di Kelantan yang terdiri dari lebih kurang 11,200 keluarga.[13] Mereka adalah terdiri dari golongan petani-petani yang mempunyai tenaga kerja tetapi tidak mempunyai tanah sendiri sebagai sumber pengeluaran yang boleh dikerjakan. Oleh itu, sebagai yunit pengeluaran, petani-petani yang termasuk ke dalam golongan ini sentiasa mengharapkan tanah untuk disewa dan diusahakan bagi menampung keperluan secukup hidup dari hasil tani yang dikeluarkan. Golongan ini sentiasa menghadapi masaalah untuk

---

[11] Lihat jadual 5.1, hal. 43

[12] Lihat hal. 78

[13] Lihat jadual 5.1, hal. 43

University of Malaya

mendapatkan tanah yang boleh disewa dan untuk membayar sewa apabila hasil tani sedang dikeluarkan. Dengan kata lain, kehidupan mereka adalah tertakluk kapada adanya tanah yang dapat disewa dan kadar bayaran sewa yang dikenakan kepada mereka oleh tuan-tuan tanah.

Kajian-Kajian Kes.

Untuk mendapatkan gambaran yang lebih kongkrit, maka beberapa bukti dari kajian-kajian kes diutarakan berhubung dengan struktur pemilikan tanah di peringkat lokal (mikro).

(a) Kes I.

Kajian kes ini telah dilakukan oleh pengkaji sendiri di kampung Simpang Hilir, Pengkalan Kubor, Tumpat, Kelantan. Hasil dari kajian kes yang dilakukan didapati bahawa 22.5 % dari petani-petani yang dikaji memiliki tanah sendiri dan tidak menyewa sebarang tanah lain, 45.0 % memiliki tanah sendiri tetapi menyewa tanah lain sebagai tambahan kepada bidang tanah yang ada, dan 32.5 % petani-petani tidak langsung memiliki tanah bendang selain dari sedikit tanah sebagai tapak rumah mereka, dan tanah bendang disewa sepenuh nya dari tuan tanah. Angka-angka yang lengkap adalah seperti yang ditunjukkan oleh jadual di bawah.

JADUAL 4.3
KEDUDUKAN PEMILIKAN TANAH BENDANG
DI KALANGAN 40 KELUARGA PETANI
DI KG. SIMPANG HILIR.

| Pemilikan | Bil. Keluarga | Peratus |
|---|---|---|
| Tanah sendiri | 9 | 22.5 |
| Pemilik-penyewa | 18 | 45.0 |
| Menyewa tanpa milik | 13 | 32.5 |
| Jumlah | 40 | 100.0 |

University of Malaya

Bagi kumpulan yang memiliki tanah sendiri ( 9 keluarga ), 5 orang memiliki tanah antara seekar hingga 2 ekar, 3 orang memiliki tanah antara 2 hingga 3 ekar, dan seorang sahaja yang memiliki tanah yang luasnya 5.5 ekar.[14] Kesemua petani-petani ini mengerjakan tanah mereka sendiri. Walau bagaimana pun terdapat dua orang daripada mereka yang menyewakan tanah mereka kepada petani-petani lain. Perbuatan mereka yang menyewakan tanah mereka, sebahagian atau sepenuhnya, bukanlah didorong oleh tujuan untuk mendapatkan hasil tanpa bekerja atau pun menjadi 'tuan tanah tidur', tetapi adalah disebabkan oleh beberapa sebab yang tertentu.

Contoh (a).

Sebuah keluarga petani yang terdiri dari 7 orang ahli keluarga (seorang bapa berumur 68 tahun, seorang isteri, dan 5 orang anak - seorang perempuan dan 4 lelaki) mempunyai tanah bendang seluas 1.5 ekar. Pada mulanya kesemua bidang tanah itu dikerjakan oleh keluarga petani itu, tetapi apabila si bapa mendapat sakit lumpuh, tanah itu tidak dikerjakan lagi dan terpaksa disewakan sepenuhnya kepada seorang petani lain. Ini ialah kerana si isteri tidak mampu bekerja seorang diri di bendang, sedangkan anak perempuan telah pun berumah tangga, seorang anak lelaki telah bekerja 'makan gaji', dan dua orang lagi anak lelaki sedang bersekolah. Tanah bendang itu disewakan sementara menunggu suami pulih dari penyakitnya, dan juga untuk mendapatkan hasil dari sewa tanah untuk menampung pendapatan keluarga.

---

14 Tanah ini dimiliki oleh encik Latif b. Seman, Penghulu kampung Simpang Hilir, Pengkalan Kubor, Tumpat. 2 ekar dari tanah beliau adalah tanah pusaka, dan 3.5 ekar lagi dibeli oleh beliau selepas beliau dipilih menjadi penghulu kampung itu. Beliau telah menjadi penghulu selama 9 tahun.

University of Malaya

Contoh (b).

> Sebuah keluarga petani yang terdiri dari 5 orang ahli keluarga (seorang bapa berumur 55 tahun, seorang isteri, dan tiga orang anak perempuan) memiliki tanah bendang seluas 2 ekar. Si bapa hanya mampu megerjakan tanah seluas seekar sahaja, dan seekar lagi disewakan kepada petani lain. Ini ialah kerana si bapa tidak mendapat bantuan tenaga kerja dari ahli-ahli keluarga yang lain.

Apa yang perlu ditekankan di sini ialah bahawa walau pun terdapat petani yang menyewakan tanah mereka kepada petani-petani lain, tetapi berdasarkan sebab-sebab tertentu, mereka tidak dapat dianggap sebagai 'tuan tanah tidur'. Petani-petani lain yang memiliki tanah sendiri, didapati bahawa bidang tanah yang mereka miliki adalah sangat kecil dan hanya cukup sebagai sumber pengeluaran secukup hidup.

Kajian kes ini menunjukkan bahawa sebahagian besar dari petani-petani di kawasan yang dikaji termasuk ke dalam kumpulan pemilik dan penyewa, iaitu 45 % (18 daripada 40 Orang). Kumpulan ini memiliki bidang tanah sendiri tetapi tidak mencukupi sebagai sumber pengeluaran secukup hidup. Dari 18 orang petani yang diselidik, 6 orang memiliki tanah seluas 0.5 ekar, 8 orang memiliki tanah seluas 1 ekar, dan 4 orang lagi memiliki tanah seluas 2 ekar. Saiz bidang tanah yang disewa oleh petani-petani ini ialah antara 0.5 hingga 1.5 ekar. Walau bagaimana pun tidak terdapat hubungan langsung antara saiz tanah yang dimiliki oleh petani-petani dengan saiz tanah yang disewa. Tanah yang disewa oleh petani-petani ini dimiliki oleh beberapa orang 'tuan tanah tidur' tempatan yang memiliki tanah yang luas tetapi tidak bekerja sebagai petani. Orang yang mempunyai bidang tanah yang luas dan

University of Malaya

disewakan kepada petani-petani ialah seorang yang bekerja sebagai kerani Penggawa[15] di mana beliau memiliki tanah seluas 9 ekar tanah dan disewakan kepada 6 orang petani. Selain dari itu, tanah juga disewa dari 'tuan tanah tidur' yang bekerja sebagai tentera yang tidak mengerjakan tanah mereka.

Kumpulan petani yang tidak bertanah langsung merupakan 32.5 % dari 40 orang petani yang diselidik. Kumpulan ini menyewa sepenuhnya tanah dari 'tuan tanah tidur' dan juga dari petani-petani yang tidak dapat mengerjakan tanah mereka kerana sebab-sebab tertentu. Bagi petani-petani dalam kumpulan ini yang menyewa tanah dari petani-petani lain menghadapi masaalah ketidaktentuan bidang tanah yang dapat disewa setiap musim kerana petani-petani tidak menyewakan tanah mereka setiap musim. Petani-petani yang menyewa tanah dari 'tuan tanah tidur' yang bekerja sebagai tentera juga menghadapi masaalah yang sama kerana apabila tuan tanah ini tidak lagi bekerja sebagai tentera, tanah yang disewakan itu tidak lagi disewakan sebab ia akan dikerjakan sendiri oleh bekas tuan tanah itu. Kes ini telah berlaku ditempat yang dikaji. Oleh kerana petani-petani ini menyewa sepenuhnya tanah yang dikerjakan, maka mereka sentiasa bergantung kapada orang lain (tuan tanah) untuk mendapatkan tanah yang boleh dikerjakan. Sifat bergantung ini mengujudkan bentok perhubungan <u>patron-client</u> yang akan diperkatakan kemudian.[16]

---

15 Penggawa ialah nama jawatan ketua pentadbir di peringkat mukim, Kerani Penggawa adalah pembantu kepada Penggawa yang bertugas menghantar notis membayar cukai tanah kepada pemilik-pemilik tanah di mukim itu.

16 Lihat hal. 69.

(b) Kes II.

Kajian kes ini dilakukan oleh pengkaji sendiri berhubung dengan pemilik dan struktur pemilikan tanah di mukim Kelaboran, daerah Tumpat. Mukim ini mempunyai penduduk seramai 1,117 orang,[17] yang terdiri dari 143 keluarga. 70 % dari penduduk-penduduk mukim ini bekerja sebagai petani, dan yang selebihnya berkerja bukan tani. Kajian telah dilakukan keatas 40 buah keluarga yang memiliki tanah bendang seluas 97 ekar. Struktur pemilikan tanah bagi 40 buah keluarga yang dikaji adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah.

JADUAL 4.4
STRUKTUR PEMILIKAN TANAH
BENDANG BAGI 40 KELUARGA DI KELABORAN.

| Keluasan (ekar) | Bilangan Keluarga | Peratus. |
|---|---|---|
| 0 | 4 | 10.0 |
| 0.5 - 0.9 | 9 | 22.5 |
| 1.0 - 1.9 | 21 | 52.5 |
| 2.0 - 2.9 | 4 | 10.0 |
| 3.0 - 4.9 | 1 | 2.5 |
| lebih dari 5.0 | 1 | 2.5 |
| Jumlah | 40 | 100.0 |

University of Malaya

17 Data-data didapati dari Pejabat Daerah, Tumpat.

Dari 40 buah keluarga yang dikaji, 33 daripada mereka bekerja sebagai petani, dan 7 buah lagi tidak terlibat dengan kerja-kerja pertanian. Walau bagaimana pun didapati bahawa kadar keluasan pemilikan tinggi adalah lebih tinggi bagi keluarga-keluarga bukan petani, seperti yang ditunjukkan oleh jadual di bawah.

JADUAL 4.5
KELUASAN TANAH YANG DIMILIK
MENURUT JENIS PEKERJAAN.

| Jenis pekerjaan. | keluarga | | keluasan | |
|---|---|---|---|---|
| | bilangan | peratus | ekar | peratus |
| Petani | 33 | 82.5 | 54 | 55.6 |
| Bukan petani | 7 | 17.5 | 43 | 44.4 |
| Jumlah | 40 | 100.0 | 97 | 100.0 |

Dari data di atas didapati bahawa 17.5 % dari keluarga bukan petani memiliki 43.4 % dari keluasan tanah tani, dan bilangan majoriti yang terdiri dari kaum petani iaitu 82.5 % memiliki hanya 55.6 % dari keluasan tanah tani itu. Implikasi yang pertama ialah bahawa ujudnya keadaan dimana golongan minoriti memiliki tanah yang luas dan golongan majoriti memiliki tanah yang kecil. Keadaan adalah lebih buruk lagi kerana 4 dari keluarga petani tidak langsung memiliki tanah. Implikasi yang kedua ialah bahawa golongan bukan tani memiliki tanah yang lebih luas dari golongan petani. Jadual 4.4 menunjukkan bahawa terdapat seorang penduduk di mukim yang dikaji memiliki tanah yang luasnya lebih dari 5 ekar. Beliau ialah seorang keturunan raja yang telah bersara dari bekerja sebagai pegawai kerajaan.

(c) Kes III.

Kes ini dikaji oleh Mohd. Noor Mohamed,[18] dilakukan di mukim Gunung, Bachok, Kelantan. Berdasarkan kajian itu didapati bahawa dari 848.4 ekar tanah di mukim itu, 32 % adalah tanah Sultan Kelantan, 4.4 % adalah tanah kerabat diraja, 26.5 tanah penduduk tempatan, dan 37.9 % merupakan tanah orang luar mukim. Data yang lengkap adalah seperti di bawah.

JADUAL 4.6
KEDUDUKAN PEMILIKAN TANAH
DI MUKIM GUNUNG.

| Pemilik | Keluasan (ekar) | Peratus.[a] |
|---|---|---|
| Sultan Kelantan | 271.6 | 32.0 |
| Kerabat diraja | 37.8 | 4.4 |
| Penduduk tempatan | 219.8 | 26.1 |
| Orang luar mukim | 319.2 | 37.5 |
| Jumlah | 848.4 | 100.0 |

Sumber: Mohd. Noor Mohamed, "Masaalah Pemilikan Tanah Di Mukim Gunung", Jernal Antropoloji dan Sosioloji, Jil. III, 1974, hal. 42 (jadual I diperturunkan)

Nota:
[a] Peratus ini dikira oleh penulis.

---

[18] Lihat sumber jadual 4.6, data-data telah diperolehi oleh pengkaji (Ibid.) berdasarkan Pelan Jabatan Ukur, bil. 54-K5, 63-K5, 46-K5.

University of Malaya

Berdasarkan kajian itu didapati bahawa selain dari ujudnya tiga golongan iaitu (a) pemilik tanah bukan petani, (b) pemilik tanah yang terdiri dari kaum petani, dan (c) kaum petani yang tidak memiliki tanah, ujud pula golongan 'tuan tanah tidur' atau absentee landlords yang terdiri dari golongan diraja (Sultan Kelantan sendiri dan lain-lain kerabat diraja). Selai dari itu, tuan tanah juga terdiri dari orang kaya tempatan dan orang luar mukim yang menguasai tanah di mukim itu.

(d) Kes IV.

Kes ini dikaji oleh Wan Kadir Wan Draman,[19] yang dilakukan di mukim Demit, Kota Bharu. Menurut kajian itu, struktur pemilikan tanah di mukim yang dikaji bagi 100 buah keluarga adalah seperti yang ditunjukkan oleh jadual di bawah.

JADUAL 4.7
STRUKTUR PEMILIKAN TANAH BENDANG
BAGI 100 BUAH KELUARGA DI MUKIM DEMIT.

| Jedah (ekar) | Keluarga | | Keluasan | |
|---|---|---|---|---|
| | bilangan | peratus | ekar | peratus |
| 0 | 19 | 19 | 0 | 0 |
| 0.1 - 1 | 57 | 57 | 18.15 | 25.39 |
| 1.1 - 2 | 13 | 13 | 13.50 | 18.88 |
| 2.1 - 3 | 4 | 4 | 9.75 | 13.64 |
| 3.1 - 4 | 2 | 2 | 6.40 | 8.95 |
| 4.1 - 5 | 3 | 3 | 12.18 | 17.05 |
| 5 keatas. | 2 | 2 | 11.50 | 16.09 |
| Jumlah | 100 | 100 | 71.48 | 100.00 |

Sumber: Wan Kadir Wan Draman, Kemiskinan Tanah Di Kalangan Petani, Latihah Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1973, hal. 21 (jadual 7 diperturunkan).

Kajian yang sama juga menunjukkan bahawa ujudnya lima kategori penduduk yang dibahagikan berdasarkan pemilikan tanah dan pekerjaan mereka iaitu, (a) tuan tanah (16 orang), (b) pemilik tanah dari kaum tani,[19] (c) pemilik tanah dari kaum tani yang mengerjakan sepenuhnya tanah mereka, (d) pemilik tanah dari kaum tani yang menyewa tanah lain sebagai tambahan kepada tanah yang sedia dimiliki, dan (e) kaum tani yang tidak langsung memiliki tanah dan menyewa tanah orang lain sepenuhnya.[20]

(e) Kes V.

Kes ini dikaji oleh Mohd. Azmi Abdul Ghani yang melakukan kajian di Kubang Kerian, Kota Bharu, Kelantan. Kajian keatas pemilikan tanah bendang bagi 80 orang di mukim tersebut adalah seperti dalam jadual di bawah.

JADUAL 4.8

STRUKTUR PEMILIKAN TANAH BENDANG
DI KUBANG KERIAN.

| Keluasan (ekar) | Keluarga | |
|---|---|---|
| | Bilangan | Peratus. |
| 0 | 32 | 40.00 |
| 0.1 - 1 | 25 | 31.25 |
| 1.1 - 2 | 18 | 22.50 |
| 2.1 - 3 | 2 | 2.50 |
| 3.1 - 4 | - | - |
| 4.1 - 5 | 2 | 2.50 |
| 5 ekar keatas. | 1 | 1.25 |
| Jumlah | 80 | 100.00 |

Sumber: Mohd. Azmi Abdul Ghani, Tanah dan Pekerjaan Di Kampung Kubang Kerian, Kota Bharu, Kelantan, Latihan Ilmiah, Jabatan Anthropologi & Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1973, hal. 50.

Kajian itu menunjukkan bahawa 40 % dari keluarga yang dikaji tidak memiliki tanah bendang, 31.25 % pula memiliki tanah bendang yang kecil yang saiznya kurang dari seekar, dan hanya 3.75 % dari penduduka sahaja yang memiliki tanah bendang yang luasnya lebih dari 3 ekar.

(f) <u>Kes VI</u>.

Kes ini dikaji oleh Wan Yahya Mohd. Salleh, berhubung dengan pemilikan tanah dan masaalah pekerjaan di mukim Wakaf Stan, Kota Bharu, Kelantan. Berhubung dengan struktur pemilikan tanah bendang, data-data yang telah dikumpul adalah seperti berikut.

JADUAL 4.9
STRUKTUR PEMILIKAN TANAH BENDANG
DI MUKIM WAKAF STAN.

| Jeda (ekar) | Keluarga bilangan | peratus | keluasan ekar | peratus. |
|---|---|---|---|---|
| 0 | 47 | 47 | 0.00 | 0.00 |
| 0.1 - 1 | 42 | 42 | 29.75 | 45.59 |
| 1.1 - 2 | 6 | 6 | 10.00 | 15.34 |
| 2.1 - 3 | 0 | 0 | 0.00 | 0.00 |
| 3.1 - 4 | 1 | 1 | 4.00 | 6.13 |
| 4.1 - 5 | 2 | 2 | 9.50 | 14.55 |
| 5 ekar keatas | 2 | 2 | 12.00 | 18.39 |
| Jumlah | 100 | 100 | 65.25 | 100.00 |

<u>Sumber</u>: Wan Yahya Mohd. Salleh, <u>Pemilikan Tanah dan Masaalah Pekerjaan Di Mukim Wakaf Stan</u>, Latihan Ilmiah, Jabatan Anthropologi & Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1973, hal.34.

University of Malaya

Kes di atas juga menunjukkan bahawa sebahagian besar dari penduduk-penduduk yang dikaji (47 %) tidak memiliki tanah bendang, dan bagi mereka yang memiliki tanah pula hanya memiliki tanah dengan saiz yang kecil.

Rumusan.

Pada amnya, struktur pemilikan tanah di negeri Kelantan dapat dibahagikan kepada tiga di mana ujud tiga kategori pemilik tanah, iaitu (a) petani-petani yang mempunyai tanah sendiri yang cukup sebagai sumber pengeluaran secukup hidup, (b) petani-petani yang mempunyai tanah tetapi terpaksa menyewa tanah lain sebagai tambahan, dan (iii) petani-petani yang tidak memiliki tanah langsung. Walau bagaimana pun, ujud suatu golongan yang bukan dari kaum petani yang juga memiliki tanah bendang. Golongan ini digelarkan sebagai 'tuan tanah tidur' atau absentee landlords yang menyewakan tanah kepada petani-petani lain yang tidak bertanah atau tidak cukup memiliki tanah. Apa yang penting ditekankan ialah bahawa di negeri Kelantan ujud struktur pemilikan tanah yang tidak serata atau seimbang yang mempunyai kesan dari segi sosial yang akan diperkatakan di dalam bab V.

University of Malaya

BAB V

# STRUKTUR PEMILIKAN TANAH BENDANG DAN IMPLIKASI SOSIAL.

## Struktur Pemilikan Tanah Bendang dan Susunlapis masyarakat.

Bagi masyarakat feudal dengan sistem pemilikan tanah yang simpel juga menggambarkan struktur susunlapis masyarakat simpel. Seperti yang telah dinyatakan di dalam bab III bahawa di dalam masyarakat feudal di Kelantan, kesemua tanah adalah dimiliki oleh Sultan atau Raja, dan petani-petani boleh mengerjakan tanah itu dengan syarat-syarat tertentu.[1] Di dalam masyarakat feudal, struktur susunlapis masyarakatnya dapat dibahagikan kepada dua,[2] iaitu;

(a) kelas pemerintah, dan

(b) kelas yang diperintah atau rakyat.

Kelas pemerintah ini termasuklah Sultan atau Raja berserta kerabat baginda dan juga pembesar-pembesar yang memerintah di daerah-daerah tertentu. Golongan yang diperintah atau rakyat pula terdiri dari petani-petani.[3] Menurut Gullick, kelas rakyat ini dapat dibahagikan kepada tiga golongan, iaitu; (i) petani merdeheka, (ii) hamba berhutang, dan (iii) hamba sahaya.[4] Kumpulan 'petani merdeheka' ini merupakan golongan yang paling ramai, sementara golongan 'hamba berhutang' ini juga berasal dari

---

1 Lihat hal. 31.

2 Lihat J. M. Gullick, Indigemous Political System of Western Malaya, London, 1958.

3. 'Petani' dengan pengertian yang luas termasuk nelayan.

4 J. M. Gullick, op. cit.

'petani merdeheka' yang menjadi hamba kerana tidak dapat membayar hutangnya kepada orang lain. Oleh itu selagi hutang itu tidak dibayar, ia terus menjadi 'hamba berhutang'. Golongan 'hamba sahaya' adalah golongan hamba berdasarkan keturunan, dan hanya dapat bebas dari menjadi hamba dengan belas kasihan 'tuan' mereka.

Di dalam zaman feudal di Kelantan, kelas pemerintah disebutkan sebagai, "...a potente who commanded respect from one end of the state to the other. Round him were his relatives and a staff of powerfull and influential chiefs and officials who carried their duties..."[5] Kelas rakyat pula sentiasa tertakluk kepada kuasa Sultan atau Raja yang mutlak yang boleh di<u>kerah</u> apabila diperlukan.

Gambaran latar belakang tentang struktur susunlapis masyarakat feudal ini perlu diketahui untuk melihat perubahan yang berlaku sehingga ujudnya struktur susunlapis masyarakat desa hari ini. Berdasarkan data-data yang telah ditunjukkan dalam bab IV,[6] secara kasar struktur susunlapis masyarakat tani di Kelantan dapat dibahagikan kepada dua, iaitu;

(a) kelas tuan tanah, dan

(b) kelas petani.

Walau bagaimana pun, untuk mendapatkan gambaran yang menyeluruh, pembahagian di atas dapat dipecah-pecahkan lagi kepada beberapa golongan seperti di bawah.

---

5 L.R. Robert, <u>Kelantan 1890-1939: Government in Transition</u>, Tisis M.A., Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1973, hal.137.

6 Lihat hal. 42

University of Malaya

| Kelas | Golongan |
|---|---|
| Tuan tanah | Kerabat diraja,<br>Orang kaya tempatan |
| Petani | Petani bertanah tanpa menyewa<br>Petani bertanah dan menyewa<br>Petani tak bertanah |

Asas pembahagian ini ialah dari segi pemilikan tanah dan faktor pekerjaan.

(a) Kelas Tuan Tanah.

Kelas tuan tanah di sini lebih ditumpukan atau ditekankan kepada golongan yang memiliki tanah bendang tetapi bukan terdiri dari kaum petani. Dua golongan yang termasuk kedalam kelas ini ialah kerabat diraja dan orang kaya tempatan. Keluasan tanah yang dimiliki oleh kedua-dua golongan ini tidak tetap dari satu tempat dengan tempat lain, kerana di suatu tempat mungkin golongan kerabat diraja memiliki tanah yang luas,[7] dan di kawasan lain mungkin tiada sedikit pun tanah yang dimiliki oleh golongan ini, dan mungkin pula golongan orang kaya tempatan yang memiliki tanah yang luas.[8]

Kemunculan golongan kerabat diraja menjadi tuan tanah di Kelantan ialah kerana dua sebab, iaitu (a) penerusan

---

7 Lihat bab. IV, kes,III, hal. 55.

8 Lihat bab IV, kes IV, hal. 56.

hak memiliki tanah yang luas lanjutan dari sistem feudal yang dipertahankan oleh undang-undang,[9] dan (b) kerana kerabat diraja itu juga merupakan orang kaya tempatan yang berjaya mengumpulkan tanah di kawasan luarbandar. Berhubung dengan sebab (b), dapat dibuktikan melalui suatu kes yang dikaji oleh penulis sendiri di Tumpat, di mana terdapat seorang kerabat diraja yang bekerja sebagai Pegawai Daerah di Kota Bharu.[10] Beliau memiliki tanah yang paling luas di daerah Tumpat meliputi tanah bendang, tanah tapak perumahan, dan ladang kelapa. Di dalam konteks ini, pengumpulan tanah yang dilakukan oleh beliau dilakukan dengan dua cara di atas. Sebagai kerabat diraja, beliau telah mendapat 'hak' memiliki di kampung Dalam Ru dan kampung Pulau, selain dari itu beliau juga telah membeli tanah di sekitar kawasan yang sama dan dijadikan ladang-ladang kelapa dan tembakau. Apa yang penting di sini ialah implikasi dari pemilikan tanah itu dari segi perhubungan sosial. Sebagai kelas tuan tanah, kerabat diraja ini tidak terlibat dengan kegiatan pertanian, tetap mempunyai hubungan yang rapat dengan petani-petani. Di kampung Dalam Ru, Tumpat, petani-petani menyewa tanah yang dimiliki oleh kerabat diraja atau lebih dikenali sebagai 'tanah raja' untuk dijadikan tapak rumah. Tapak rumah ini disewa setiap tahun dengan bayaran antara $7.00 hingga $15.00. Petani-petani yang menyewa tapak rumah itu juga menyewa tanah bendang dari kerabat diraja itu untuk diusahakan. Oleh itu perhubungan antara petani dengan kerabat diraja di sini juga merupakan perhubungan antara tuan tanah dengan petani yang tak bertanah.

---

9 Lihat <u>National Land Code</u> [Act 56 of 1965] 4,(2), (b), berhubung dengan tanah yang dimilik oleh kerabat diraja Kelantan yang tidak boleh ditukar milik, atau diambil tindakan undang-undang.

10 Nama beliau ialah Tengku Abdul Rahim.

University of Malaya

Kerabat diraja yang memiliki tanah di kawasan luarbandar tidak semestinya tinggal di kawasan yang sama,[11] kerana golongan ini pada umumnya adalah tinggal di kawasan bandar. Oleh itu, golongan ini juga dapat dianggap sebagai kelas gentry dan dalam masa yang sama juga menjadi kelas tuan tanah bagi petani-petani di kawasan luar bandar. Golongan kerabat diraja ini mempunyai kedudukan yang tinggi dari segi prestige dalam masyarakat semi-feudal di Kelantan. Oleh itu, sebagai suatu kelas, golongan kerabat diraja ini mempunyai kedudukan ekonomi yang kokoh, dan mempunyai status yang tinggi sebagai golongan bangsawan di samping sebagai anggota masyarakat gentry.[12] status mereka yang tinggi adalah ditentukan oleh faktor keturunan, dan faktor keturunan ini pula menjadi faktor yang membolehkan mereka menjadi tuan tanah di kawasan luarbandar.[13] Di sini bererti bahawa faktor keturunan menjadi asas kepada pencapaian ekonomi mereka, seterusnya, kedua-dua faktor ini adalah saling sokong menyokong di dalam meneruskan status quo mereka sebagai kelas atasan.

Orang kaya tempatan merupakan kelas tuan tanah yang kedua. Golongan ini juga tidak terlibat dengan kegiatan pertanian walau pun mereka memiliki tanah yang merupakan sumber pengeluaran utama kaum petani. Di daerah Tumpat, golongan orang kaya tempatan ini terdiri dari pegawai-pegawai kerajaan, ahli-ahli politik tempatan,[14] pemodal-pemodal

---

11 Lihat bab IV, kes III, hal. , di mana kerabat diraja (termasuk Sultan Kelantan) yang memiliki tanah di mukim Gunung tinggal di Kota Bharu, bandar yang terbesar dan ibu negeri Kelantan.

12 Lihat bab IV, Ibid, didapati bahawa contoh yang paling prominent ialah Sultan Kelantan sendiri.

13 Di Tumpat, sekurang-kurangnya terdapat tiga orang kerabat diraja yang memiliki tanah yang luas iaitu, Tengku Abdul Rahim, Tengku Nural Taman, dan Tengku Kechik b. Tengku Biru.

University of Malaya

tempatan, dan juga penggawa-penggawa, yang tinggal di kawasan yang sama dengan petani-petani, tetapi cara hidup mereka lebih mirik kepada cara hidup masyarakat gentry.[15] Di dalam konteks ini, dapat dikatakan bahawa berdasarkan cara hidup mereka itu menunjukkan bahawa mereka mempunyai status dan prestige yang tinggi berbanding dengan kelas petani. Status dan prestige mereka yang tinggi ini dapat juga dilihat berdasarkan hakikat bahawa mereka adalah terdiri dari golongan yang berpelajaran, yang mengetahui selok belok sistem pentadbiran yang tidak dimengerti oleh petani-petani, dan juga sebagai golongan yang telah terlepas dari "the idiocy of rural life".[16] Ada di antara mereka mempunyai hubungan dengan golongan kerabat diraja berdasarkan kepentingan yang sama sebagai tuan tanah. Kajian kes di mukim Gunung menunjukkan bahawa setiap tahun kerabat diraja mengeluarkan tender kepada orang ramai yang ingin menyewa tanah secara borong. Apa yang berlaku ialah bahawa tanahh raja' itu hanya mampu disewa secara borong oleh orang kaya tempatan yang kemudian menyewakan tanah itu kepada petani-petani dengan mengambil sedikit keuntungan.[17] Oleh itu, golongan orang kaya tempatan menjadi broker yang menghubungkan antara kerabat diraja dengan petani-petani.

---

14 Contoh ahli politik tempatan yang telah menjadi orang kaya tempatan ialah seorang guru ugama yang telah terpilih menjadi Wakil Rakyat di kawasan Tumpat (1964-1969) yang telah memiliki bidang tanah yang luas dan mempunyai sebuah perusahaan membuat boat. Nama beliau ialah Haji Wan Hassan.

15 Mereka mempunyai rumah yang besar dan kebanyakan dari mereka memakai kereta.

16 W.F. Wertheim, Evolution and Revolution, Penguin Books, 1974, hal.235.

17 Biasanya broker ini mengambil kamsen sebanyak antara $5.00 hingga $10.00 bagi setiap ekar.

(b) Kelas Petani.

Walau pun kelas petani ini dapat dibahagikan kepada tiga golongan,[18] namun untuk mengadakan suatu sempadan bagi memisah-misahkan mereka dirasakan tidak sesuai. Ini ialah kerana berdasarkan pemerhatian didapati bahawa ketiga-tiga golongan petani ini hidup didalam keadaan yang miskin, dan hanya darjah kemiskinan sahaja yang berbeza di antara mereka. Kajian dan pemerhatian yang dilakukan oleh penulis sendiri menunjukkan bahawa tidak terdapat petani-petani yang walau pun mempunyai tanah sendiri benar-benar dapat dianggap sebagai mempunyai taraf hidup yang mewah hasil dari kegiatan pertanian mereka. Ini ialah kerana berdasarkan data-data yang ditunjukkan oleh jadual 5.2[19] jelas bahawa 68 % dari petani-petani memiliki tanah yang luasnya kurang dari 3 ekar dan tidak cukup sebagai sumber pengeluaran yang dapat melebihi dari tingkat pengeluaran secukup hidup.

Kumpulan petani yang pertama ialah golongan petani yang mempunyai tanah sendiri yang merupakan 25 % dari jumlah petani-petani di Kelantan. Kumpulan ini secara hitung panjang hanya memiliki tanah yang saiznya tidak lebih dari 1.9 ekar,[20] yang sangat jahun dari mencukupi kerana untuk mencapai taraf hidup yang agak senang, petani-petani mestilah memiliki tanah sekurang-kurangnya 6.3 ekar.[21] Oleh itu, walau pun mereka mempunyai tanah bendang sendiri, mereka tetap miskin

---

18 Lihat hal. 62.

19 Lihat hal. 44.

20 Lihat hal. 45.

21 Lihat hal. 78.

kerana tidak mempunyai sumber pengeluaran yang cukup di samping faktor-faktor lain yang menambah kemiskinan mereka. Di Indonesia, golongan petani yang memilik tanah sendiri tetapi terus miskin dipanggil sebagai golongan marhein.[22] Keadaan yang sama juga ujud di Kelantan di mana petani-petani kebanyakannya memiliki tanah yang seluas sekangkang kera yang hanya membolehkan mereka mengeluarkan hasil keluaran secukup hidup sahaja. Gambaran yang objektif dapat dilihat berdasarkan banci pertanian tahun 1968,[23] di mana didapati bahawa petani-petani hanya mampu mengeluarkan penghasilan padi sebanyak 211 gantang bagi setiap ekar secara hitung panjang. Oleh itu, tanah tanah yang seluas tidak lebih dari dua ekar hanya dapat mengeluarkan hasil tidak lebih dari 422 gantang semusim. Jumlah ini hanya cukup untuk menampung keperluan makanan bagi sebuah keluarga petani. Di sini bererti bahawa pengeluaran 'secukup hidup' itu hanya dilihat dari segi yang sempit, iaitu, untuk memenuhi keperluan makanan sahaja dan tidak termasuk keperluan asasi yang lain seperti pakaian, perumahan, pelajaran anak-anak

---

22 "...why I used the term 'Marhein'. It was for no other reason but that on a certain day I was walking in the rice fields to the south of Tjigereleng, and I came across a man hoeing the field, and I asked him, "Brother, who owns this field?" "Gaduh abdi [I own it]," he said. And so he participated in ownership of the means of production, owning the rice field. "And the hoe, who owns that?" "Gaduh abdi" "But, brother, you live in poverty?" "That's right, I live poorly." And I thought to my self then, this man clearly and certaintly is not a member of the proletariat, he is a pauper, he is poor, but he is not a member of the proletariat, for he does not sell his labour-power to another without participating in ownership of the means of production..he is a farmer, very poor farmer, barely making a living...I asked him, "What is your name?" "I am Marhein," he said. He said that his name was Marhein. I had an inspiration: Now, this name I will hold to; I will use this name to describe the destitute Poeple of Indonesia." A. Soekarno, Marhein and Proletariat, Modern Indonesian Project, Southeast Asian Program, Department for Far Eastern Studies, Cornell University, Ithaca, New York, 1960; juga lihat Peter Worsley, The Third World, Weidenfeld & Nicolson, London, 1964, hal. 120

dan sebagainya.

Seterusnya adalah lebih baik diperkatakan tentang golongan kelas petani yang ketiga, iaitu, golongan yang tidak bertanah langsung dab mengharapkan sepenuhnya tanah yang disewa dari tuan tanah. Ini ialah kerana golongan petani yang kedua iaitu petani yang mempunyai tanah sendiri tetapi tidak mencukupi sebagai sumber pengeluaran secukup hidup, adalah terletak antara golongan pertama dengan golongan ketiga. Berdasarkan data dari jadual 4.1 didapati bahawa 20 % dari jumlah petani-petani di Kelantan termasuk kedalam golongan ini.[24] Golongan ini merupakan golongan petani yang hidup di dalam keadaan yang paling miskin. Ini ialah kerana mereka tidak mempunyai tanah sedikit pun yang dapat dijadikan sumber pengeluaran mereka sendiri. Oleh itu, kehidupan mereka sebagai petani adalah dengan cara memberikan khidmat atau yenaga boroh mereka kepada tuan-tuan tanah untuk menampung kehidupan keluarga mereka. Golongan ini dapat dipanggil sebagai 'proletariat desa'.[25]

---

23 S. Selvadurai, Socio-Economic Study of Padi Farms in the Kemubu Area of Kelantan, Kementerian Pertanian dan Kerjasama Malaysia, Kuala Lumpur, 1968.

24 Lihat hal.

25 Istilah ini telah digunakan keatas petani-petani di Vietnam, lihat Truong Chinch & Vo Nguyen Giap, The Peasant Question (1937-38), terjemahan C.P. White, Cornell University, Ithaca, New York, 1974.

University of Malaya

Hubungan Patron-Client.

Struktur pemilikan tanah di kalangan petani-petani seperti yang telah dinyatakan di atas jelas menunjukkan k keujudan dua golongan, iaitu, golongan tuan tanah, dan golongan petani. Perhubungan antara kedua golongan ini adalah merupakan perhubungan *patron-client*, di mana tuan tanah menjadi *patron* dan petani-petani menjadi *client*. Petani-petani menjadi *client* berdasarkan hubungan mereka sebagai penyewa tanah dengan tuan tanah yang menjadi *patron* mereka. Di Kelantan, sebagaimana yang telah dinyatakan di atas bahawa terdapat dua golongan tuan tanah, iaitu, kerabat diraja, dan orang kaya tempatan. Sebagai *patron*, kedua-dua golongan ini mempunyai bentok perhubungan yang agak berbeza dengan *client* mereka.

Sebagai *patron*, golongan kerabat diraja mempunyai hubungan dengan petani-petani melaui dua cara, iaitu, (a) sebagai tuan tanah, dan (b) sebagai golongah yang mempunyai darah keturunan raja. Sebagai tuan tanah, hubungan *patron-client* ini merupakan perhubungan antara tuan tanah dengan penyewa tanah. Tuan tanah mempunyai kedudukan yang tinggi dan menjadi tempat bergantung bagi petani-petani yang tidak bertanah. Keadaan kebergantungan ini ujud kerana petani-petani sentiasa mengharapkan tanah yang dapat disewa dari tuan-tuan tanah. Dengan lain perkataan, hubungan *patron-client* di sini merupakan hubungan antara golongan yang menguasai sumber pengeluaran dengan golongan yang mengharapkan sumber pengeluaran itu. Oleh kerana petani-petani tidak mempunyai cara lain lain untuk mendapatkan tanah, maka mereka sentiasa bergantung kepada golongan kerabat diraja untuk mendapatkan tanah yang boleh disewa. Walau bagaimana pun, oleh kerana kerabat diraja ini lebih kerap tinggal di kawasan bandar yang berjauhan dari tempat tinggal petani-sendiri, maka ujud keadaan di mana petani-petani sebagai *client* tidak mengenal siapakah *patron* mereka. Ini berlaku apabila petani-petani menyewa tanah kerabat diraja itu melalui

University of Malaya

broker yang menjadi sub-patron kepada petani-petani. Petani-petani juga mempunyai sifat bergantung kepada broker untuk membolehkan mereka mendapat tanah yang boleg disewa. Oleh itu, pemilikan tanah oleh kerabat diraja mengujudkan dua kumpulan patron, tetapi mempunyai client yang sama, iaitu, kelas petani.

Sebagai golongan yang mempunyai darah keturunan raja, kerabat diraja ini adalah dihormati oleh petani-petani. Oleh itu, bukan setakat kerana mereka adalah tuan tanah maka mereka mempunyai kedudukan yang tinggi dari petani-petani, tetapi juga ialah kerana mereka adalah berketurunan raja. Dengan itu, dapat dikatakan bahawa faktor keturunan bukan sahaja membolehkan mereka menjadi tuan tanah, tetapi juga terus meninggikan status mereka sebagai tuan tanah dan sebagai kerabat diraja.

Kajian yang dilakukan oleh penulis di Tumpat menunjukkan bahawa terdapat beberapa orang petani yang merasa diri mereka bertuah dapat mengerjakan 'tanah raja' kerana selain dari hakikat bahawa mereka sememangnya memerlukan tanah, tanah yang dikerjakan itu adalah tanah 'ku (sic. Tengku atau Engku)[26] yang berdarah keturunan bangsawan. Dengan mengerjakan 'tanah raja' itu, petani-petani merasakan bahawa mereka mempunyai hubungan yang rapat dengan kerabat diraja. Ini dapat difahami berdasarkan kenyataan bahawa petani-petani adalah masyarakat luarbandar yang mempunyai sistem nilai dan pemikiran yang 'lurus' yang menganggap bahawa golongan kerabat diraja itu sebagai 'pelindung' bagi mereka.

---

26 Nama yang paling terkenal di kalangan petani-petani di Tumpat ialah 'ku Rahim, lihat hal. 63.

Golongan kedua yang menjadi tuan tanah dan _patron_ ialah orang kaya tempatan yang terdiri dari mereka yang mempunyai kedudukan yang tinggi dari segi ekonomi, sosial, dan politik. Seperti yang telah disebutkan di atas, di Tumpat terdapat orang kaya tempatan yang terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan, ahli-ahli politik tempatan, pemodal-pemodal tempatan dan penggawa-penggawa.[27] Sebagai _patron_, orang kaya tempatan mempunyai hubungan persemukaan dengan petani-petani kerana mereka dilingkungi oleh kawasan tempat tinggal yang sama. Walau bagaimana pun, hubungan _patron-client_ yang ujud tidak dapat dianggap sebagai hubungan yang _harmonious_, kerana kedua-dua pihak sentiasa bertelagah dari segi bayaran sewa tanah bendang.

_Client_ bagi kedua-dua golongan _patron_ ini ialah petani-petani miskin yang terpaksa menyewa tanah. Walau siapa pun yang menjadi _patron_ kepada petani-petani, corak perhubungan yang ujud adalah berbentuk _asymmetrical_ di mana petani-petani sentiasa tertindas oleh _patron_ mereka. Perhubungan yang bercorak penindasan ini ujud berdasarkan keujudan struktur susunlapis masyarakat yang berkelas-kelas yang diasaskan oleh struktur pemilikan tanah yang tidak seimbang. Bentok perhubungan _patron-client_ ini juga merupakan hubungan antara _superordinate_ dengan _subordinate_.[28]

---

27
Lihat hal.

28
Kajian-kajian tentang perhubungan _patron-client_ yang berbentok _asymmetrical_ telah dilakukan oleh ramai pengkaji-pengkaji; lihat P.M. Van Hekken & H.U.E. Thoden Van Valzen, _Land Scarcity and Rural Inequality in Tanzania_, The Hague, 1972; Truong Chinch & Vo Nguyen Gin, _The Peasant Question_, _op.cit._; Thomas & M. Merville, _Guatemala: The Politics of Land Ownership_, New York, 1971; dan H.A. Gould, 'The Hindu Jamjani System: A Case of Economic Particularism', _Southwestern Journal of Anthropology_, Vol. 14, 1958.

Keujudan bentok perhubungan patron-client selain dari mengujudkan bentok perhubungan yang bercorak penindasan juga menghalang pertumbuhan solidariti kelas di kalangan kelas petani yang ramai. Ini telah diperkatakan oleh Wertheim;

"In a rural society where traditional patron-client relationships are still a living reality it is hardly to be expected that poor peasants will unite on a class solidarity basis. Even if there are aware of being exploited by the patron they will still tend to rely upon his protection, which is, in which they have learned, throughout a life of hardships, to put some faith."[29]

Apa yang penting ditekankan berhubung dengan kaitan struktur pemilikan tanah dengan struktur susunlapis masyarakat tani ialah bahawa keadaan yang tidak seimbang didal struktur pemilikan tanah itu mengujudkan struktur perhubungan yang asymmetrical dan bercorak penindasan.

---

29 W.R. Wertheim, op.cit., hal. 239.

University of Malaya

BAB VI

# MASAALAH PETANI-PETANI

## Pengumpulan dan Penumpuan Tanah.

Pembicaraan yang telah dilakukan dalam bab-bab yang lepas telah menunjukkan secara explicit bahawa struktur pemilikan tanah di Kelantan dapat dibahagikan kepada dua, iaitu, (a) pemilikan tanah ladang yang luas, dan (b) pemilikan tanah bendang yang berbidang kecil.[1] Jika dilakukan perbandingan antara dua struktur pemilikan tanah ini, maka gambaran yang didapati menunjukkan suatu perbezaan yang sangat ekstrim di mana di satu pihak tanah dimiliki dengan begitu luas, dan di pihak yang lain bidang tanah yang dimiliki adalah terlalu kecil. Gambaran yang ekstrim ini dapat dilihat dengan jelas di dalam jadual di bawah.

JADUAL 6.1
PERBANDINGAN STRUKTUR PEMILIKAN TANAH
LADANG DAN BENDANG.

| Keluasan tanah ladang (ekar) | pemilik ladang | pemilik bendang | keluasan tanah bendang (ekar) |
|---|---|---|---|
| 100 - 499 | 55 | 21,280 | 1.0 - 1.9 |
| 500 - 999 | 4 | 16,800 | 2.0 - 2.9 |
| 1,000 - 1,999 | 9 | 10,080 | 3.0 - 3.9 |
| 2,000 - 2,999 | 3 | 4,480 | 4.0 - 4.9 |
| 3,000 - 4,999 | - | 2,800 | 5.0 - 6.9 |
| 5,000 keatas | 1 | 560 | 7 keatas. |
| Jumlah pemilik | 72 | 56,000 | |

Sumber: Dipadankan dari jadual 3.6 dan 4.2

University of Malaya

Jadual di atas menunjukkan suatu perbezaan yang sangat ekstrim dari segi struktur pemilikan tanah. Sebagai sumber pengeluaran,[2] tanah dimiliki dengan luasnya oleh peladang-peladang, manakala petani-petani menghadapi masaalah kekurangan tanah untuk membolehkan mereka menghasilkan keluaran yang lebih dari keluaran secukup hidup.

Telah ditunjukkan juga bahawa di samping ujudnya struktur pemilikan tanah yang ekstrim antara sektor ladang dan bendang, ujud pula struktur pemilikan tanah yang tidak serata di dalam sektor bendang itu sendiri. di mana terdapat golongan petani-petani yang memiliki tanah sendiri, yang memiliki sedikit tanah dan terpaksa menyewa tanah lain sebagai tambahan, dan golongan yang tidak memiliki tanah langsung.

Pemilikan tanah ladang yang luas seperti yang disebutkan di atas dapat disamakan dengan pemilikan tanah a la latifundia yang ujud di negara-negara Latin Amerika yang menjadi sebab pokok kepada berlakunya keadaan ketidakcukupan tanah untuk dijadikan sumber pengeluaran bagi petani-petani dan seterusnya menjadi punca utama bagi masaalah kemiskinan dan kemunduran masyarakat tani di negara-negara tersebut.[3]

---

1 Pemilikan tanah di kalangan pekebun-pekebun kecil adalah lebih luas dari saiz tanah yang dimiliki oleh petani-petani.

2 Tanah merupakan sumber pengeluaran bagi ekonomi ekspot yang berorientasikan perladangan getah.

3 Lihat Ernest Feder, The Rape of Peasantry, Anchor Books, 1971; A.G. Frank, Capitalism and Underdevelopment in Latin America, Penguin Books, 1967; R. Stavenhagen, Agrarian Problems and Peasant Movements in Latin America, Anchor Books, 1970.

Keadaan ketidakcukupan tanah di dalam sektor tani mengujudkan kegiatan pertanian secara kecil-kecilan yang disebutkan sebagai <u>minifundia</u> di negara-negara Latin Amerika.[4] sektor <u>latifundia</u> merupakan sektor pertanian yang maju yang dimonopoli oleh pemodal-pemodal asing dan tempatan yang kaya raya, sementara sektor <u>minifundia</u> adalah sektor yang mundur yang dimiliki oleh petani-petani miskin peribumi. Kemunculan dua sektor ini adalah kesan dari perkembangan ekonomi ekspot yang berorientasikan kegiatan perladangan oleh peladang-peladang dari negara penjajah. Kemunculan sektor <u>latifundia</u> adalah penting untuk kemajuan ekonomi ekspot penjajah, sementara sektor <u>minifundia</u> mengekalkan kedudukan petani-petani sebagai pengeluar bahan makanan yang miskin.

Pembicaraan tentang apa yang berlaku di Latin Amerika di atas sesungguhnya mempunyai hubungan dengan apa yang akan dibincangkan seterusnya berhubung dengan kemiskinan dan kemunduran masyarakat tani di Kelantan. Ini ialah kerana keadaan yang sama seperti yang ujud di negara-negara Latin Amerika juga ujud di Kelantan. Perubahan sistem pemilikan tanah yang dilakukan oleh penjajah Inggeris telah memunculkan sektor ladang dengan pemilikan tanah yang luas dan mengekalkan sektor tani dengan pemilikan tanah yang kecil-kecil.

Keadaan penghidupan petani-petani lebih tertekan lagi kerana seperti yang telah dinyatakan di atas, sebahagian besar tanah adalah dimiliki oleh tuan-tuan tanah yang bukan

---

[4] Ibid.

dari kaum petani. Masyarakat tani telah juga disebuat sebagai masyarakat Asiatic[5] yang tidak mempunyai sistem pemilikan tanah yang individualistik. Tetapi apa yang jelas berlaku ialah bahawa kedatangan penjajahan Inggeris ke negeri Kelantan telah mengubah sifat-sifat Asiatic bagi masyarakat tani di negeri tersebut kerana tanah telah berubah menjadi harta persendirian yang dapat dikumpulkan menurut 'kemampuan' individu-individu. Peroses pengumpulan tanah ini berlaku di negeri Kelantan dan mengujudkan tiga golongan tuan-tuan tanah yang dominant iaitu (a) peladang-peladang getah[6], (b) kerabat diraja, dan (c) orang kaya tempatan. Petani-petani tidak mempunyai peluang untuk mengumpulkan tanah kerana tanah tidak boleh lagi diteroka dengan bebas, dan petani-petani sendiri tidak mampu untuk membeli tanah dari orang lain kerana kemiskinan mereka. Ini adalah kesan dari kemasukan sistem kapitalisma yang dibawa oleh penjajah Inggeris sejak tahun 1900 ke negeri Kelantan, di mana peroses pengumpulan tanah juga berlaku di dalam konteks sistem ini. Sistem kapitalisma ini juga menembusi kehidupan masyarakat tani di kawasan luarbandar dan mengubah struktur pemilikan tanah di kalangan masyarakat itu. Menurut S. Husin Ali;

> "...the penetration of a capitalist economic system into the rural areas has given rise to groups of individuals who, through their greater business acumen, ability to react to price mechanism according to the calculations of gains and profits, and the capacity to indulge in economic manipulations according to their own advantage, without being inhibited by social and moral consederations, have been able to improve their economic position, often at the expense of a great bulk of the peasantry..."[7]

---

5 Istilah ini digunakan oleh Karl Marx.

6 Termasuk juga peladang-peladang kelapa dan kelapa sawit.

7 S. Husin Ali, "Land Concentration and Poverty Among the Rural Malays", NUSANTARA, Bil. I, Januari 1972, hal.110.

Oleh itu, sejak dari zaman feudal atau pra-penjajahan, seterusnya di dalam zaman penjajahan,[8] dan zaman merdeka,[9] petani-petani terus-menerus hidup di dalam keadaan secukup hidup kerana mereka tidak dapat memajukan pertanian mereka berdasarkan keujudan struktur pemilikan tanah yang tidak seimbang dan disertai oleh faktor-faktor lain.[10]

Masaalah Ketidakcukupan.

Dari huraian yang telah dibentangkan di atas ternyata bahawa masaalah pokok yang dihadapi oleh petani-petani di Kelantan ialah ketidakcukupan tanah sebagai sumber pengeluaran yang terpenting. Ketidakcukupan ini terlihat di dalam tiga cara, iaitu, (a) pemilikan tanah yang kecil saiznya, (b) menyewa tanah lain untuk menambah bidang tanah yang ada, dan (c) menyewa sepenuhnya tanah apabila petani-petani tidak langsung mempunyai tanah sendiri.

Kajian-kajian yang telah dilakukan menunjukkan bahawa adanya perhubungan yang linear antara saiz tanah yang dikerjakan (dipunyai sendiri atau disewa) dengan kadar jumlah keluaran.[11] Dari kajian-kajian ini telah dibuktikan bahawa semakin besar saiz tanah yang dikerjakan, semakin tinggi kadar pertambahan hasil keluaran, dan sebaliknya.

---

8 Antara tahun 1909 hingga 1957, bagi negeri Kelantan sahaja.

9 Boleh juga disebutkan sebagai 'zaman post-penjajahan'.

10 Misalnya kurang penggunaan alat pertanian moden.

11 Lihat U.N. Bhati, Economic Determinants of Income on Irrigated Paddy Farms in Tanjung Karang, West Malaysia, Tisis Ph. D., Australia National University, 1971; Loh Meng Kai, Thomas F. Weaver & Tan Bock Thiam, A Case Study of Rice Double-Cropping, Kertaskerja yang dibentangkan di Simposium Institute Pertanian Malaysia, Ogos, 1969.

Untuk mencapai taraf hidup yang lebih tinggi,[12] telah dianggarkan bahawa petani-petani seharusnya mengerjakan tanah seluas antara 6.3 hingga 8.4 ekar.[13] Berdasarkan kenyataan bahawa sebilangam besar dari petani-petani di Kelantan hanya memiliki tanah yang kurang dari 3 ekar luasnya,[14] ini bererti mereka hanya memiliki kurang dari separuh keluasan tanah yang diperlukan.

Masaalah ketidakcukupan mempunyai hubungan dengan masaalah (a) hutang, dan (b) pemecahan tanah. Kajian yang dilakukan dalam tahun 1968[15] menunjukkan bahawa 72 % dari petani-petani di negeri Kelantan adalah terdiri dari petani-petani yang berhutang. Hutang yang ditanggung oleh mereka bernilai antara $108.00 hingga $333.00. Masaalah hutang ini paling berat membebani petani-petani yang tidak bertanah sendiri. Ini ialah kerana petani-petani ini terpaksa membayar sewa bendang, selain dari berhutang dengan pekedai runcit, jiran tetangga dan saudara mara. Hasil keluaran bagi setiap keluarga petani digunakan bagi sekurang-kurangnya enam keperluan, iaitu; (a) untuk makanan sekeluarga, (b) untuk membayar sewa (jika ada), (c) untuk membayar hutang (jika ada), (d) untuk membayar zakat, (e) untuk dijual, dan (f) untuk kegunaan lain. Berdasarkan kajian yang sama,[16] didapati bahawa hitung panjang keluaran bagi tiap-tiap keluarga petani di Kelantan ialah 477 gantang semusim.[17] Didapati juga bahawa

---

[12] Taraf hidup yang lebih tinggi bererti taraf hidup yang lebih tinggi dari secukup hidup.

[13] Lihat Lai Kok Chew & A. Aroope, "Towards Optimal Size of Rice Farms", Agricultural Economic Bulletin, Vol. 1, No. 2, MARDI, Kuala Lumpur, 1971.

[14] Lihat hal. 44.

[15] S. Selvadurai, op.cit.

[16] Ibid.

[17] Bagi keluasan tanah seluas 2,2 ekar.

setiap keluarga petani secara hitung panjang menggunakan sebanyak 330 gantang padi untuk makanan setiap tahun.[18] Oleh itu terdapat lebihan sebanyak hanya 147 gantang yang digunakan untuk membayar sewa, hutang, zakat, dan sebagainya. Oleh itu didapati bahawa hanya 21 % sahaja petani-petani di Kelantan yang mempunyai keluaran sucukup hidup dari hasil keluaran padi.[19] Oleh itu, tidak hairan jika peratus petani-petani yang berhutang adalah tinggi.

Masaalah pemecahan tanah juga merupakan ekoran dari keujudan struktur pemilikan tanah yang tidak seimbang dan ketidakmampuan petani-petani untuk membeli tanah lain. Walau apa pun 'sistem' yang diikut oleh petani di dalam melakukan pemecahan tanah itu, akibatnya adalah sama, iaitu, tanah bendang yang dikerjakan oleh keluarga petani semakin kecil. Ini bererti bahawa hasil tani bagi keluarga tani itu semakin berkurangan.

<u>Masaalah Sikap</u>.

Walau pun kajian ini bukanlah bertujuan untuk menguji sikap petani-petani dan hubungan dengan kemiskinan dan kemunduran mereka, namun perlu disentuh sepintas lalu untuk menjawab persoalan bahawa benarkah masyarakat tani itu merupakan masyarakat yang 'malas', tiada mempunyai '<u>achievement motivation</u>' yang tinggi, bersikap '<u>apathy</u>' dan lain-lain sikap negatif yang menghalang bagi mereka untuk maju. Kajian-kajian berhubung dengan kaitan antara faktor sikap dengan faktor pemilikan tanah di kalangan masyarakat tani masih

---

18 Bagi keluarga seramai 5.2 orang, secara hitung panjang.

19 Tanpa memerlukan pendapatan dari sumber lain untuk menampung kehidupan keluarga.

University of Malaya

belum banyak dilakukan. Walau pun begitu terdapat sebuah kajian yang telah menghubungkan faktor sikap dengan faktor pemilikan tanah di kalangan petani-petani.[20] Kajian ini membuktikan bahawa faktor sikap adalah dipengaruhi atau bergantung kepada faktor keluasan pemilikan tanah. Dengan lain perkataan, kajian ini menunjukkan bahawa semakin luas tanah yang dimiliki oleh petani-petani, semakin tinggi dorongan pencapaian atau achievement motivation mereka. Kajian ini mengkaitkan dorongan pencapaian petani-petani dengan sikap mereka keatas menggunakan baja, benih yang baik, membajak tanah, dan juga menam dualkali setahun. Kajian ini menunjukkan bahawa petani-petani yang mempunyai tanah yang luasnya antara 2 hingga 5 ekar hanyammementingkan penggunaan bajak; petani-petani yang memiliki tanah antara 6 hingga 10 ekar, di samping membajak tanah mereka juga membaja padi mereka dengan baja-baja dagangan; petani-petani yang memiliki tanah seluas antara 11 hingga 20 ekar sebagai tambahan telah menggunakan benih yang dipilih secara saintifik; dan petani-petani yang memiliki tanah lebih dari 20 ekar lebih gemar menanam dua kali setahun dengan menggunakan bajak, baja dagangan dan benih yang baik. Oleh itu, kajian ini dapat dijadikan suatu kesimpulan bahawa faktor pemilikan tanah adalah lebih penting dari faktor sikap di dalam menerangkan masaalah kemiskinan dan kemunduran masyarakat tani.

---

20 Malaysia, Laporan Awal dan Ringkas Mengenai Kajian Sikap dan Aspirasi Masyarakat Luarbandar, Pusat Pengajian Pembangunan Malaysia, Kuala Lumpur, 1972.

Kemiskinan dan Kemunduran.

Ernest Feder di dalam membincangkan tentang kemiskinan masyarakat luarbandar menyatakan;

> "The rural poor are two kinds. They are the millions of smallholders, who are poor by definition, because they barely eke out a subsistence living on plots of land too small to provide for full employment and an adequate family income...Then there are the landless workers...They receive for their labor extremely low wages in cash or in kind. Often they receive no remuneration whayever, because in many regions peasants still to put in days of work free or nearlay free of charge in "homage" to the big landlords. That is, they must show their gratitude for being allowed to work the rest of the time at near-starvation wages."[21] (italic oleh pengarang)

Berdasarkan pendapat ini, dapat dikatakan bahawa pada amnya semua petani-petani di Kelantan adalah miskin. Ini telah pun dinyatakan diatas.[22] Walau bagaimana pun, kedua-dua konsep ini dapat dilihat dari dua segi, iaitu; (a) secarq mutlak, dan (b) secara perbandingan. Menurut Jack L. Roach dan Janet K. Roach, "Two types of standards are found in the literature: the absolute and the relative. The former involves assigning a price tag to the necessities of life (the 'poverty line') and designating as poor those whose income falls below that figure. When the latter standard is used the bottom segment of the income distribution is the poverty group."[23] Di dalam konteks ini, iaitu, secara absolute atau pun secara relative, kemiskinan masyarakat tani di Kelantan adalah suatu kenyataan yang tidak dapat dinafikan lagi.

---

21 Ernest Feder, The Rape of the Peasantry, Anchor Books, 1971, hal.3.

22 Lihat hal.1.

23 Jack L. Roach & Janet K. Roach, (eds.) Poverty, Penguin Books, 1972, hal. 23.

Berdasarkan ukuran yang absolute, pendapatan tiap-tiap keluarga petani secara hitung panjang di Kelantan ialah sebanyak 477 gantang semusim,[24] dan jumlah pengeluaran ini seperti mana yang telah dinyatakan di atas hanya setakat memenuhi keperluan makanan sekeluarga. Walau bagaimana pun, ia bergantung kepada keluasan tanah yang dimiliki oleh petani-petani. Secara relative, kemiskinan petani-petani di Kelantan jelas dilihat berdasarkan keujudan golongan yang tidak bertanah; yang bertanah sendiri tetapi masih tidak mencukupi dan perlu menyewa tanah lain; dan golongan yang bertanah tetapi masih kecil jika dibandingkan dengan keluasan yang sepatutnya mereka miliki.[25]

Kemiskinan dan kemunduran adalah dua konsep yang saling berkaitan. Kemiskinan adalah suatu fenomena yang ujud di dalam keadaan kemunduran. Oleh itu kedua-dua istilah ini dapat digunakan secara interchangable. Apa yang penting ditekankan ialah bahawa kemiskinan dan kemunduran masyarakat tani di Kelantan mempunyai hubungan yang rapat dengan struktur pemilikan tanah yang ujud seperti yang telah dibincangkan diatas.

---

24 Lihat hal. 78.

25 Lihat hal. 78.

## BAB VII.

## PENUTUP DAN KESIMPULAN.

Kajian ini cuba menerangkan faktor pokok yang menyebabkan kemiskinan dan kemunduran masyarakat tani di Kelantan dan dihubungkan dengan struktur pemilikan tanah yang merupakan sumber pengeluaran dan harta bagi masyarakat itu. Kemiskinan dan kemunduran masyarakat tani yang dikaji dikaitkan dengan keujudan struktur pemilikan tanah yang tidak serata sebagai kesan dari kegiatan mengumpulkan tanah oleh golongan-golongan tertentu sehingga mengujudkan keadaan di mana masyarakat tani sendiri tidak mempunyai tanah yang cukup sebagai sumber pengeluaran.

Kegiatan pengumpulan tanah di negeri Kelantan bermula sejak tahun 1900 dengan kedatangan R.W. Duff kenegeri itu, dan perosses ini semakin berleluasa sebagai ekoran dari perubahan sistem pemilikan tanah yang diperkenalkan oleh penjajah Inggeris. Sistem pemilikan tanah baharu ini telah menghapuskan sistem dan struktur pemilikan tanah tradisional dan menggantikannya dengan sistem yang baharu. Sistem yang baharu ini telah memberi peluang kepada golongan-golongan tertentu untuk mengumpulkan tanah yang terdiri dari peladang-peladang dari negara penjajah sendiri dan juga peladang-peladang tempatan, kerabat diraja Kelantan, dan juga orang kaya tempatan. Di dalam kegiatan mengumpulkan tanah ini, petani-petani sentiasa tertinggal kebelakang. Ini ialah kerana sebagai masyarakat tani mereka tiada mempunyai kecenderongan untuk mengumpulkan tanah di samping tiada mampu berbuat demikian.

Kesan dari kegiatan mengumpulkan tanah ini ujud dua struktur pemilikan tanah yang ekstrim, iaitu, struktur pemilikan tanah ladang, dan struktur pemilikan tanah bendang. Di dalam struktur pemilikan tanah bendang, ujud pula dua

golongan, iaitu, golongan tuan tanah, dan golongan petani. Golongan tuan tanah ini merupakan golongan yang menguasai tanah sebagai sumber pengeluaran tani, tetapi tidak terlibat di dalam kegiatan pertanian itu sendiri. Golongan ini telah diistilahkan sebagai 'tuan tanah tidur' atau absentee landlords. Golongan petani pula terbahagi kepada tiga kumpulan, iaitu, kumpulan yang bertanah sendiri dan mengerjakan sendiri tanah itu tanpa menyewa tanah lain; kumpulan yang bertanah sendiri dan memerlukan tanah lain untuk disewa kerana tanah yang dimiliki terlalu kecil; dan kumpulan yang tidak bertanah langsung.

Ketiga-tiga kumpulan petani di atas pada amnya adalah hidup di dalam keadaan yang miskin. Walau bagaimana pun, kumpulan yang ketiga, iaitu, kumpulan yang tidak bertanah langsung adalah paling miskin di antara kumpulan-kumpulan petani di negeri Kelantan.

Keujudan golongan tuan tanah dan golongan petani ini merupakan keujudan dua kelas di dalam struktur susunlapis masyarakat tani itu. Perhubungan antara kedua-dua kelas ini adalah berbentuk perhubungan patron-client yang bercorak asymmetrical dan penindasan. Walau pun begitu, solidariti kelas tidak ujud di kalangan kelas petani di negeri tersebut.

Penting disebutkan bahawa kemasukan sistem ekonomi kapitalis yang dibawa oleh penjajah Inggeris ke negeri Kelantan bukan sahaja telah mengujudkan kegiatan ekonomi yang bercorak pertandingan dan penindasan serta memunculkan struktur susunlapis masyarakat berkelas-kelas, tetapi juga telah memasukkan negeri itu dan seluruh penduduknya kedalam lingkungan sistem dan struktur kapitalisma di peringkat antarabangsa. Ini jelas terlihat apabila negeri Kelantan dijadikan satellite bagi pengeluaran hasil ekonomi ekspot



University of Malaya

penjajah yang berorientasikan kegiatan perladangan.[1] Ini bererti bahawa masyarakat tani di Kelantan tidak dapat dianggap sebagai masyarakat tradisional yang terpisah dari yunit masyarakat yang lebih luas, tetapi merupakan sebahagian dari masyarakat yang lebih luas yang dirangkumi oleh sistem kapitalisma yang dibawa oleh penjajah. Dengan kedatangan dan perkembangan sistem kapitalisma yang dibawa oleh penjajah ini, mereka mula menghadapi masaalah kekurangan tanah sebagai sumber pengeluaran tani mereka. Ini ialah kerana perkembangan sistem kapitalisma itu telah memulakan kegiatan mengumpulkan tanah, sama ada di peringkat dalam negeri (domestic) atau pun di peringkat luarbandar.

Oleh itu, kemiskinan masyarakat tani di Kelantan adalah merupakan suatu keadaan yang berstruktural, yang dapat dilihat dari segi keujudan struktur pemilikan tanah yang tak serata, dan mengujudkan struktur susunlapis masyarakat yang berkelas-kelas. Keadaan ini adalah berpunca dari perkembangan sistem kapitalisma yang dibawa oleh penjajah Inggeris sejak tahun 1900.

---

1 A.G. Frank menyatakan bahawa apabila sesebuah negara itu menjadi tanah jajahan negara lain, maka ujudlah struktur perhubungan satellite-metropolis antara negara tanah jajahan dengan negara penjajah. Ini mempunyai hubungan dengan masaalah kemunduran yang dihadapi oleh negara tanah jajahan itu. Menurut beliau, " My thesis is that these capitalist contradiction, and the historical development of the capitalist system have generated underdevelopment in the peripheral satellites whose economic surplus was expropriated, while generating economic development in the metropolitan centres which appropriate that surplus - and, further, that this process still continues,", Capitalism and Underdevelopment in Latin America, Penguin Books, 1971, hal. 27.

LAMPIRAN A.

KEDUDUKAN PEMEGANGAN TANAH DI KALANGAN
PETANI-PETANI DI MALAYSIA BARAT,
1973.

| Negeri | jum. petani | | bertanah sendiri | | bertanah & sewa | | tiada bertanah. | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | bil. | % | bil. | % | bil. | % | bil. | % |
| Kedah | 81,000 | 27 | 36,450 | 46 | 16,200 | 20 | 28,350 | 34 |
| Perak | 44,000 | 15 | 22,000 | 50 | 5,720 | 13 | 16,280 | 37 |
| Kelantan | 56,000 | 19 | 14,000 | 25 | 30,800 | 55 | 11,200 | 20 |
| Pulau Pinang | 19,000 | 6 | 7,840 | 44 | 2,720 | 17 | 6,240 | 39 |
| Terengganu | 12,000 | 4 | 10,450 | 55 | 4,370 | 23 | 4,180 | 22 |
| Perlis | 20,000 | 7 | 5,400 | 45 | 2,880 | 24 | 3,720 | 31 |
| Melaka | 12,000 | 4 | 6,240 | 52 | 2,160 | 18 | 3,600 | 30 |
| Pahang | 20,000 | 7 | 14,000 | 70 | 2,800 | 14 | 3,200 | 16 |
| Selangor | 13,000 | 4 | 7,800 | 60 | 3,250 | 25 | 1,950 | 15 |
| N. Sembilan | 19,000 | 6 | 16,530 | 87 | 1,330 | 7 | 1,140 | 6 |
| Johor | 4,000 | 1 | 2,800 | 70 | 800 | 20 | 400 | 10 |
| Jumlah | 296,000 | 100 | 142,710 | 48 | 73,030 | 25 | 80,260 | 27 |

**Sumber:** Jabatan Pertanian dan Perikanan, Kota Bharu.

University of Malaya

BIBLIOGRAFI.


Alatas, S. Hussein,
(1965) "Collective Representations and Economic Development", Kajian Ekonomi Malaysia, Vol. II, No. 1.

Bassett, D.K.,
(1960) "European Influence in the Malay Peninsula 1511-1786", JMBRAS, Vol. 33, Bah. 3, No. 191, hal. 9-31.

Blum, Jerome,
(1960) The European Peasantry, From the Fifteenth to the Nineteenth Century, Princeton University Press.

Bottomore, T.B.,
(1970) Classes in Modern Society, George, Allen & Unwin Ltd., London.

Chander, R.,
(1969) Malaysia: Buku Maalumat Perangkaan Getah 1966, Jabatan Perangkaan Malaysia, Kuala Lumpur.

__________
(1973) Golongan Masyarakat: Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, 1970, Jabatan Perangkaan Malaysia, Kuala Lumpur.

Chayanov, A.V.,
(1966) The Theory of Peasant Economy, terjemahan D. Thorner, R.E.F. Smith & B. Kerblay, Irwin, New York.

Cockroft, James D.; A.G. Frank, & Dale L. Johnson,
(1972) Dependence and Underdevelopment, Anchor Books.

Dalton, George,
(1971) "Modernizing Village Economies", Current Topics in Anthropology, Vol. I, Addison-Wesley Pub. Co.

Downs, Richard,
(1967) "A Kelantanese Village of Malaya", Contemporary Change in Traditional Societies, (ed.) Julian H. Steward, Vol. II, University of Illinois Press.

Eisenstadt, S.N.,
(1966) Modernization, Protest and Change, Prentice-Hall.

Emerson, R.,
(1964) *Malaysia: A Study in Direct and Indirect Rule*, University of Malaya Press, Kuala Lumpur.

Fanon, Frantz,
(1967) *The Wretched of the Earth*, Penguin Books.

Feder, Ernest,
(1971) *The Rape of the Peasantry*, Anchor Books.

Firth, Raymond,
(1966) *Malay Fishermen: Their Peasant Economy*, Routledge & Kegan Paul Ltd., London.

________ (1969) *Elements of Social Organization*, C.A. Watts & Co., London.

Firth, Rosemary,
(1943) *Housekeeping Among Malay Peasants*, London.

Frank, A.G.,
(1971) *Capitalism and Underdevelopment in Latin America*, Penguin Books.

Gordon, Shirle D.,
(1963) "Contradictions in the Malay Economic Structure", *Intisari*, Vol. I, No. 2.

Gullick, J.M.,
(1965) *Indigenous Political System of Western Malaya*, Athlone Press, London.

Halpern, J.M.,
(1967) *The Changing Village Community*, Prentice-Hall Inc., New Jersey.

Hekken, F.M. Van, & T. Van Velzen,
(1972) *Land Scarcity and Rural Development*, Mounton, The Hague.

Herskovits, Melville J.,
(1941) "Economics and Anthropology", *The Journal of Political Economy*, Vol. 49, No. 2.

________ (1952) *Economic Anthropology*, Alfred A. Knopf, New York.

Horowitz, Irving Louis,
(1966) *Three Worlds of Development*, Oxford University Press, New York.

University of Malaya

Hinton, William,
(1966) Fanshen, Pelican Books.

Huizer, Gerrit,
(1973) Peasant Rebellion in Latin America, Penguin Books.

Husin Ali, S.,
(1964) Social Stratification in Kampung Bagan, Monograph of the Malaysian Branch Royal Asiatic Society 1.

——— (1968) "Patterns of Rural Leadership", JMBRAS, Vol. 41, Bah. 1.

——— (1972) "Land Concentration and Poverty Among the Rural Malays", NUSANTARA, Bil. 1, hal.100-113.

——— (1973) "The Bases of National Unity", Intisari, Vol. III, No. 2.

Ismail Bakti,
(1970) "'Bunga Mas' Golden Flowers, Gift or Tribute", Malaysia in History, Vol. XIII, No. 2, hal.40-42.

Khoo Kay Kim,
(1972) The Western Malay States 1850-1973, Oxford University Press, Kuala Lumpur.

Kroeber, A.,
(1948) Anthropology, Harcout, Brace & World.

Lim Chong Yah,
(1962) Economic Development of Modern Malaya, Kuala Lumpur.

Mahathir Muhammad,
(1970) The Malay Dilemma, Donald Moore for Asia Pacific Press, Singapore.

Malaya,
(1938) British Malaya, (The Magazine of the Association of British Malaya) Vol. XI.

——— (1961) Banci Pertanian Persekutuan Tanah Melayu 1960, Kementerian Pertanian dan Syarikat Kerjasama, Kuala Lumpur.

Malaysia,
(1973) Kajian Semula Rancangan Malaysia Kedua, 1971-1975, Cetakan Kerajaan, Kuala Lumpur.

______ (1973) Lapuran Awal dan Ringkas Mengenai Kajian Sikap dan Aspirasi Masyarakat Luarbandar, Pusat Pengajian Pembangunan Malaysia, Kuala Lumpur.

______ (1973) Akta Penanam Padi 1967: Soal-Jawab, Kementerian Pertanian dan Perikanan, Kuala Lumpur.

______ (1970) International Seminar of Development V, Lapuran Awal, Pusat Pengajian Pembangunan Malaysia, Kuala Lumpur.

Mangin, William,
(1970) Peasants in Cities, Houghton Miffin & Co., Boston.

Marx, Karl & Frederick Engels,
(1950) Selected Works, Vol. 1, Foreign Languages House, Moskow.

Maxwell, W.G., & W.S. Gibson,
(1924) Treaties and Engagements Affecting the Malay States and Borneo, London.

Mills, L.A.,
(1960) "The Malacca Land Problem 1825-1884", JMBRAS, Vol. 33, Bah. 3, hal. 118-136.

Mokhzani, A.R.,
(1965) The Study of Stratification and Mobility in Malaya, University Malaya, cetakan semula untuk East Asian Cultural Studies.

McClelland, D.,
(1961) The Achieving Society, Princeton University Press, New Jersey.

Moore, Barrington, B. Jr.,
(1966) Social Origins of Dictatorship and Democracy, Beacon Press, Boston.

Moore, Wilbert E.,
(1965) Social Change, Prentice-Hall of India (Private) Ltd., New Delhi.

Muhammad Dahlan Haji Aman,
(1973) Theories and Policies of Modernisation: an Application of A.G. Frank's critique with Particular Reference to Malaysia (West Malaysia), Tesis M.A. University Monash, Australia.

University of Malaya

Muhammad Fauzi Haji Yaacob,
(1969) Agama dan Usaha Dalam Lapangan Ekonomi Dikalangan Orang-Orang Melayu, Tisis M.A. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Myrdal, Gunnar,
(1957) Rich Lands and Poor, Harper & Brother Pub., New York.

——— (1968) Asia Drama: An Inquiry into the Poverty of Nations, Penguin Books.

——— (1970) The Challange of World Poverty, Penguin Books.

Nash, Manning,
(1965) "Economic Anthropology", Biennial Review of Anthropology, Stanford University Press.

——— (1966) Primitive and Peasant Economic System, Chander Pub. Co., Pennsylvania.

Ness, G.D.,
(1967) Bureaucracy and Rural Development in Malaysia, Barkeley & Los Angeles, University of California Press.

Nurkse,
(1953) Problems of Capital Formation in Underdeveloped Countries, Oxford University Press.

Parkinson, B.K.,
(1967) "Non-Economic Factors in the Economic Retardation of the Rural Malays", Modern Asian Studies, Vol. I, No. 1.

Puthucheary, J.J.,
(1960) Ownership and Control in the Malayan Economy, Singapore.

Redfield, Robert,
(1955) The Little Community, University of Chicago Press.

——— (1956) Peasant Society and Culture, The University of Chicago Press.

Roach, Jack L. & Janet K. Roach, (eds.)
(1972) Poverty, Penguin Books.

Robert, L.R.,
(1973) Kelantan 1890-1939: Government in Transition, Tisis M.A. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Roff, W.,
(1967) The Origin of Malay Nationalism, Kuala Lumpur.

Rostow, W.W.,
(1960) The Stages of Economic Growth: A Non-Communist Manifesto, Cambridge.

Selvadurai, S., et al.,
(1968) Socio-Economic Study of Padi Farms in the Kemubu Area of Kelantan, Kementerian Pertanian dan Kerjasama, Malaysia, Kuala Lumpur.

Senu Abdul Rahman, et al.,
(1968) Revolusi Mental, Terbitan Utusan Melayu, Kuala Lumpur.

Silcock, H.T.,
(1961) "The Economy of Malaysia: Relevance of the Competitive Laissez-Faire Model", The Economic Systems of the Commonwealth, Durham.

Shanin, Teodor, ed.,
(1973) Peasants and Peasant Societies, Penguin Books,

Slamet, Ina E.,
(1965) Pokok-Pokok Pembangunan Masyarakat, Desa Bharatara, Jakarta.

Stavenhagen, Rodolfo, ed.,
(1970) Agrarian Problems and Peasant Movements in Latin America, Anchor Books.

Swift, M.G.,
(1962) "Malay Peasants", The Role of Savings and Wealth in Southern Asia and the West, Lambert & Hoselitz, London.

_____ (1965) Malay Peasant Society in Jelebu, London School of Economics Monographs on Social Anthropology, University of London.

_____ (1967) "Economic Concentration in Malay Peasant Society", Social Organization: Essays Presented to Raymond Firth, Freedman (ed.) London.

University of Malaya

Thiesenhusen, William C,
(1966) *Chile's Experiments in Agrarian Reform*, The University of Wisconsin Press.

Thio, Eunice,
(1957) "A Turning Point in Britain's Malayan Policy", *The Historical Annual*, University of Malaya Historical Society, Singapore, hal.6-17.

Thomas & Melville,
(1971) *Guatemala: The Politics of Land Ownership*, The Free Press, New York.

Tjoa Soei Hock,
(1963) *Institional Background to Modern Economic & Social Development in Malaya*, (With Special Reference to the East-Coast), Liu & Liu Agency, Kuala Lumpur.

Truong Chinh & Vo Nguyen Giap,
(1974) *The Peasant Question (1937-1938)*, Terjemahan C.P. White, Cornell University, Ithaca, New York.

Tumin, M.M., (ed.)
(1970) *Readings on Social Stratification*, Prentice-Hall Inc., New Jersey.

Ungku A. Aziz,
(1959) *Rencana-Rencana Ekonomi dan Kemiskinan*, Pustaka Melayu, Singapura.

______ (1962) "Facts and Fallacies About the Malay Economy- In Retrospect, With New Footnotes", *Ekonomi*, Vol. III, No. 1, hal. 40-42.

______ (1964) "Poverty and Rural Development in Malaysia", *Kajian Ekonomi Malaysia*, Vol. I, No. 1.

Wertheim, W.F.,
(1964) *East-West Parallels: Sociological Approach to Modern Asia*, The Hague.

______ (1973) *Dawning of an Asian Dream*, Universiteit van Amsterdam.

______ (1974) *Evolution and Revolution*, Penguin Books.


University of Malaya

Wilson, Peter J.,
(1967) A Malay Village and Malaysia: Social Values and Rural Development, Hraf Press, New Haven.

Wilson, T.B.,
(1958) The Economic of Padi Production in North Malaya, Kuala Lumpur.

Wolf, Eric R.,
(1966) Peasants, University of Michigan, Prentice-Hall, New Jersey.

——— (1970) Peasant Wars of the Twentieth Century, Harper & Row, New York.

Wong, I.F.T.,
(1970) Land Use Report of Kelantan, Kementerian Pertanian dan Kerjasama Malaysia, Kuala Lumpur.

Worsley, Peter,
(1967) The Third World, Weidenfeld & Nicolson.

University of Malaya

<u>LATIHAN-LATIHAN ILMIAH.</u>


Abdul Rahman Omar,
(1969/70) <u>Persoalan Ekonomi dan Pelajaran</u>, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Mohd. Azmi Abdul Ghani,
(1973/74) <u>Tanah dan Pekerjaan di Kampung Kubang Kerian, Kota Bharu, Kelantan</u>, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Mohd, Noor Mohamed,
(1973/74) <u>Masaalah Pemilikan Tanah di Mukim Gunung</u>, Jabatan Antropoloji dan Sosioloji, Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur.

Rossehan Mohd. Idrus & Rahimah Shaary,
(1973/74) <u>Pemilikan Tanah di Bandar Kota Bharu</u>, Jabatan Antropologi & Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Wan Ismail Wan Ahmad,
(1967/68) <u>Kedudukan Ekonomi di Kampung Dalam Ru</u>, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Wan Kadir Wan Draman,
(1973/74) <u>Kemiskinan Tanah di Kalangan Petani</u>, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Wan Yahya Mohd, Salleh,
(1973/74) <u>Pemilikan Tanah dan Masaalah Pekerjaan Di Mukim Wakaf Stan</u>, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.